

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS
2023

HARI KHAMIS : 23 MAC 2023

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN NO. 10 HINGGA NO. 66)**

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN JIMMY PUAH WEE TSE [TEBRAU]

TARIKH : 23 MAC 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN JIMMY PUAH WEE TSE [TEBRAU] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan jumlah atau peratusan rakyat Malaysia yang mempunyai akses kepada air paip yang bersih pada setiap masa dan bagaimana Kementerian bercadang untuk memastikan peratusan ini mencapai 100% terutamanya ke kawasan pedalaman dan perkampungan Orang Asli.

JAWAPAN

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Tebrau,

1. Merujuk kepada data Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), sehingga 2021, peratusan liputan perkhidmatan air terawat di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan adalah 97%. Berdasarkan semakan, liputan perkhidmatan air bagi negeri Sarawak pada tahun 2022 adalah sebanyak 83.7% manakala liputan perkhidmatan air bagi Sabah adalah sebanyak 80% pada tahun 2021.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi meningkatkan liputan perkhidmatan air di seluruh Malaysia seperti berikut:

SOALAN NO: 11

- i. peningkatan kualiti air terawat melalui pembinaan dan naik taraf loji rawatan air;
- ii. usaha pengurangan kadar air tidak berhasil (*non-revenue water* - NRW) dengan peruntukan geran Kerajaan Persekutuan sebanyak RM1.907 bilion melalui Program NRW Kebangsaan dan pembiayaan pinjaman oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) sebanyak RM2.048 bilion kepada negeri-negeri yang telah memasuki penstrukturan bekalan air; dan
- iii. menggalakkan rakyat menggunakan air secara berhemah serta menggalakkan penggunaan alat cekap air.

3. Di samping itu, Kementerian ini turut mengambil inisiatif melaksanakan projek wakaf air iaitu satu mekanisme pendanaan alternatif dengan kerjasama Yayasan Waqaf Malaysia bagi membiayai projek bekalan air berskala kecil di kawasan luar bandar dan pedalaman.

4. Sebagai tambahan, usaha meluaskan liputan perkhidmatan air terutamanya ke kawasan pedalaman dan perkampungan Orang Asli turut dilaksanakan oleh Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) melalui program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui program Bekalan Air dan Kebersihan Alam Sekeliling (BAKAS).

5. Kementerian ini juga sentiasa bekerjasama rapat dengan KKDW dan KKM dalam usaha untuk memperluaskan liputan akses kepada air bersih dan selamat di luar bandar bagi mencapai sasaran yang telah ditetapkan di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) iaitu 98% menjelang tahun 2025.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN KALAM BIN SALAN
(SABAK BERNAM)**

TARIKH : 23 MAC 2023 (ISNIN)

SOALAN

TUAN KALAM BIN SALAN [SABAK BERNAM] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan bila peruntukan khas dan segera memperbaiki infrastruktur sukan seperti gelanggang futsal yang tidak pernah diperbaiki sejak siap dibina di kampung-kampung. Kerosakan ini jika tidak segera diperbaiki boleh mengundang bahaya kecederaan kepada penggunanya ataupun menjadi tempat pembiakan nyamuk dan serangga bahaya lain termasuk anjing liar dan lain-lain.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) sememangnya sedang melaksanakan projek menaik taraf infrastruktur sukan seperti gelanggang futsal di seluruh negara secara berperingkat. KBS mempertimbangkan untuk memperbaiki infrastruktur gelanggang yang melibatkan kerosakan kecil sahaja disebabkan peruntukan yang terhad. Pada tahun 2022, sebanyak 164 kemudahan sukan telah di naik taraf dengan kos sebanyak RM12.917 juta.

Sehubungan itu, Ahli Yang Berhormat boleh mengemukakan permohonan memperbaiki gelanggang futsal khususnya melibatkan kawasan Yang Berhormat kepada Kementerian ini melalui Pejabat Belia dan Sukan Daerah Sabak Bernam untuk dipertimbangkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI ADNAN BIN HAJI ABU HASSAN
[KUALA PILAH]**

TARIKH : 23 MAC 2022 (KHAMIS)

SOALAN

**DATO' HAJI ADNAN BIN HAJI ABU HASSAN [KUALA PILAH] minta
MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan faktor utama yang
menyumbang kepada kadar pengangguran terkini serta perancangan
Kementerian untuk menyelesaikannya.**

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Pengangguran adalah fenomena biasa bagi sesebuah negara yang pasaran buruhnya dinamik, disebabkan beberapa faktor. Sesetengah pengangguran hanya berlaku dalam jangka masa pendek yang mana ia merupakan satu proses semula jadi bagi individu-individu yang bergerak antara satu pekerjaan ke pekerjaan yang lain atau pergerakan daripada alam persekolahan ke pasaran kerja. Sesetengah pengangguran lain pula mengambil masa beberapa bulan mungkin disebabkan kesukaran mencari pekerjaan.

2. Antara faktor utama yang menyumbang kepada pengangguran ialah ketidakpadanan kemahiran atau *skill mismatched*, penawaran gaji yang tidak setimpal dan kecenderungan majikan untuk menggaji pekerja asing. Selain daripada itu, faktor keperibadian pencari kerja dan kemahiran insaniah atau *softskills* turut menyumbang kepada kesukaran mendapat dan mengekal diri dalam pekerjaan.

3. Berdasarkan definisi Pertubuhan Buruh Antarabangsa atau International Labour Organisation (ILO), kadar pengangguran pada kadar 4 peratus dan ke bawah dikira sebagai guna tenaga penuh (*full employment*) dengan izin. Semasa pandemik COVID-19, kadar pengangguran telah melonjak kepada 4.5 peratus. Dengan usaha Kerajaan, kadar ini telah berjaya dikurangkan kepada keadaan sebelum pandemik COVID-19.

4. Merujuk kepada Statistik Tenaga Buruh oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pengangguran pada suku tahun keempat 2022 ialah 3.6%. Ini jelas menunjukkan ekonomi negara berada pada tahap guna tenaga penuh.

5. Bagi meningkatkan kadar penyertaan tenaga buruh serta mengurangkan kadar pengangguran, Kerajaan telah mempergiatkan usaha mengadakan program melalui agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia seperti berikut:

- i. Kerajaan menyediakan **platform pencarian pekerjaan dalam portal MYFutureJobs**. MYFutureJobs merupakan portal berteknologi tinggi dan terkini bagi membuat padanan pekerjaan berdasarkan kelayakan, kemahiran, pengalaman, gaji dan lain-lain mengikut keperluan majikan dengan izin *job matching*.
- ii. Selain itu, bagi meningkatkan tahap padanan pekerjaan ini Kementerian melalui PERKESO telah menjalankan kerjasama dengan beberapa kementerian, badan dan agensi seperti Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Belia dan Sukan, dan Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.
- iii. Kerajaan melalui PERKESO juga secara berterusan **mempengaruhi Karnival Kerjaya atau *Job Carnival*** di seluruh negara menerusi program pengambilan pekerja kepada golongan graduan baharu, lepasan sekolah, golongan belia dan pekerja serta golongan yang aktif mencari pekerjaan di dalam MYFutureJobs dapat dilaksanakan dengan berkesan.
- iv. **Sistem Insurans Pekerjaan (SIP)** PERKESO turut menyediakan program-program bagi peningkatan modal insan dan kebolehpasaran pekerja seperti khidmat kaunseling kerjaya, *skills profiling*, penulisan *resume*, *mock interview*, latihan kemahiran bahasa dan penyampaian serta seminar pekerjaan bagi mereka yang mencari pekerjaan. Dengan inisiatif-inisiatif ini, kebolehpasaran mereka akan ditingkatkan dan meningkatkan peluang kerjaya yang baharu.

SOALAN NO: 13

- v. Program Kebolehpasaran turut dilaksanakan oleh PERKESO bagi pelajar sekolah menengah dan juga universiti bagi pendedahan berkaitan kemahiran dan kompetensi yang diperlukan industri dan kesediaan untuk bekerja sebagai langkah bagi mengurangkan pengangguran. Sehingga Disember 2022, sebanyak 564 program kebolehpasaran telah diadakan dan sebanyak 27,689 belia telah menghadiri program ini.
- vi. Kementerian melalui Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) secara berterusan melaksanakan program latihan *reskilling* dan *upskilling*. Melalui Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad (Akta PSMB 2001), majikan yang berdaftar dengan PSMB akan membayar levi Pembangunan Sumber Manusia. Levi tersebut boleh digunakan kembali bagi menggalakkan latihan dan pembangunan pekerja tempatan, perantis dan pelatih.
- vii. Levi ini berperanan sebagai insentif latihan di mana majikan boleh menghantar pekerja tempatan mengikuti pelbagai aktiviti latihan peningkatan kemahiran dan latihan semula kemahiran melalui PSMB. Setakat 31 Disember 2022, seramai 879,165 pelatih telah diluluskan merangkumi pelbagai sektor meliputi bidang latihan kemahiran; insaniah (*softskills*) dan teknikal.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHD SYAHIR BIN CHE SULAIMAN
[BACHOK]**

TARIKH : 23 MAC 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN MOHD SYAHIR BIN CHE SULAIMAN [BACHOK] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan perancangan jangka pendek dan jangka panjang Kementerian untuk membina struktur pengawalan hakisan pantai di kawasan Parlimen P.025 Bachok yang bagi mengatasi permasalahan hakisan yang semakin teruk setiap kali musim tengkujuh seterusnya menjejaskan aktiviti nelayan dan penempatan penduduk.

JAWAPAN

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Bachok,

1. Kementerian melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) mengambil maklum berkaitan masalah hakisan pantai di kawasan Parlimen Bachok seperti di Pantai Irama, Pantai Melawi, Pantai Nipah, Pantai Kemayang dan Pantai Damat dan lain-lain lagi.
2. Berdasarkan pemerhatian Jabatan, didapati pantai-pantai Parlimen Bachok masih terkawal dan stabil kecuali Pantai Kemayang dan Pantai Damat. Pantai-pantai tersebut mengalami hakisan ketika musim tengkujuh dan keadaan pantai kembali stabil ketika luar musim tengkujuh.
3. Bagi perancangan jangka masa pendek, JPS Negeri Kelantan telah melaksanakan kerja di pantai Kemayang dengan membina struktur lapis lindung batu (*rock revetment*) sepanjang 150 meter dengan kos bernilai RM500 ribu menggunakan peruntukan Negeri. JPS Negeri juga sedang memohon peruntukan Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah hakisan sepanjang 150 meter di Pantai Damat.
4. Di bawah perancangan jangka masa panjang, JPS telah memohon peruntukan di bawah *Rolling Plan 4* (RP4) dalam Rancangan Malaysia Ke-12 untuk Projek Pengawalan Hakisan Pantai di Pantai Damat, Bachok, Kelantan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS, 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE
[SANDAKAN]**

TARIKH : 23 MAC 2023 (KHAMIS)

SOALAN

PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE [SANDAKAN] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah strategi Kerajaan untuk menjaga keselamatan sempadan negara kita di Pantai Timur Sabah supaya perintah berkurung di perairan kawasan itu yang sedang dilaksanakan ketika ini tidak akan disambung selama-lamanya

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Perintah Berkurung yang dikuatkuasakan di perairan Zon Selamat Sabah Timur (ESS Zone) sejak 10 tahun yang lalu telah memberi kesan yang positif dalam memastikan kawal selia ke atas keselamatan masyarakat, pengusaha pelancongan, nelayan, pelancong asing dan tempatan kekal terjamin di samping berjaya menangani isu-isu pencerobohan anasir luar dan penjenayah rentas sempadan di pantai Timur Sabah, khususnya.

Perintah tersebut hanya melibatkan 7 daripada 10 daerah dalam ESS Zone dan dikuatkuasakan di kawasan perairan sahaja melebihi 3 batu nautika ke atas dari pukul 6.00 petang hingga 6.00 pagi. Aktiviti penduduk setempat dalam kawasan perairan di ESS Zone juga tidak terjejas akibat daripada penguatkuasaan Perintah Berkurung kerana pihak Polis akan **memberi kebenaran** kepada penduduk setempat atau komuniti maritim yang mempunyai **Permit Pengecualian Perintah Berkurung di bawah Seksyen 31(3) Akta Polis 1967 [Akta 344]** untuk menjalankan aktiviti di kawasan perairan tersebut.

Selain itu, Kerajaan juga melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memelihara kedaulatan serta menjamin keselamatan dan kesejahteraan di ESS Zone seperti berikut:

- i. Memperkasa Operasi Sanggah ESSCOM melalui koordinasi operasi pasukan keselamatan secara bersepadu bagi mengesan dan mengekang anasir luar, tali barut, penjenayah rentas sempadan serta kemasukan pendatang asing tanpa izin (PATI) ke ESS Zone menerusi pelaksanaan Op GASAK Laut dan Darat, Op Bersepadu (OB), *Road Check Point* (RCP) dan *Sea Check Point* (SCP);
- ii. Mengukuhkan kerjasama merentasi agensi melibatkan ATM, PDRM, APMM dan pihak berkuasa dari negara-negara jiran membabitkan pertukaran dan perkongsian maklumat perisikan melalui jaringan komunikasi yang berkesan;

SOALAN NO : 15

- iii. Mempertingkatkan atur gerak trup dan memperkukuhkan infrastruktur di pos kawalan sedia ada selain rancangan hadapan bagi pewujudan pos-pos kawalan dan penempatan aset-aset keselamatan yang baharu di sempadan;
- iv. Mempergiatkan atur gerak dan koordinasi aset-aset ATM, PDRM dan APMM secara bersepadu di sempadan darat, laut dan udara melalui maklumat yang diperolehi daripada sumber risikan dan sistem pengawasan yang berupaya mengesan dan memantau sasaran yang mencurigakan; dan
- v. Memupuk jaringan hubungan dan kerjasama yang erat antara ESSCOM dengan golongan sasaran iaitu penduduk serta pemimpin tempatan melalui pendekatan sesi libat urus, program-program kemasyarakatan dan sosio-ekonomi.

Tuan Yang Di Pertua,

Pertimbangan sama ada pelaksanaan Perintah Berkurung di perairan ESS Zone ini perlu diteruskan atau ditamatkan akan dikaji dan dibincang dengan pihak berkepentingan di peringkat Persekutuan dan Negeri dari semasa ke semasa. Buat masa ini, pelaksanaan Perintah Berkurung masih dikekalkan di Pantai Timur Sabah.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASIM
(ARAU)**

TARIKH : 23 MAC 2023 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASIM (ARAU) minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :

- (a) statistik terkini bilangan belia di Perlis mengikut Parlimen; dan
- (b) apakah Kementerian berhasrat untuk terlibat secara berterusan dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) dan pemimpin tempatan bagi membina lebih banyak mini kompleks sukan awam atau One Stop Centre bagi golongan belia berkumpul khususnya di Arau berdasarkan Pelan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a) statistik terkini bilangan belia di Perlis mengikut Parlimen

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada statistik terkini yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, bilangan belia di negeri Perlis berumur 15 hingga 30 tahun adalah seramai 94,556 orang. Daripada jumlah ini, 39,886 belia adalah dari Parlimen Arau, 28,990 dari Parlimen Kangar dan 25,680 dari Parlimen Padang Besar.

(b) apakah Kementerian berhasrat untuk melibat urus secara berterusan dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) dan pemimpin tempatan bagi membina lebih banyak mini kompleks sukan awam atau One Stop Centre bagi golongan belia berkumpul khususnya di Arau berdasarkan Pelan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).

Untuk makluman Yang Berhormat juga, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) tidak mempunyai perancangan untuk membina Kompleks Sukan di Arau. Keutamaan Kementerian pada masa ini adalah untuk menaik taraf kemudahan sedia ada.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS, 2023**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DATUK JONATHAN YASIN [RANAU]

TARIKH : 23 MAC 2023 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK JONATHAN YASIN [RANAU] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilakah Balai Polis Kecil Kundasang akan dibina memandangkan tapak untuk pembinaan balai polis kecil ini sudah pun dikenal pasti lokasinya.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Buat masa ini, perancangan untuk menaik taraf Balai Polis Kundasang tidak disenaraikan dalam Pelan Tindakan Pembangunan Strategik PDRM (PSPDRM) tahun 2021 hingga 2025.

Namun pihak Kementerian dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan mempertimbangkan pembinaan kemudahan ini dalam tempoh terdekat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI AWANG BIN HASHIM
[PENDANG]**

TARIKH : 23 MAC 2023 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK HAJI AWANG BIN HASHIM [PENDANG] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak Kerajaan dalam menangani masalah ketidaksepadanan pekerjaan untuk siswazah selain memastikan peluang pekerjaan dikawal selia serta dibuka untuk semua golongan yang mencari pekerjaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia sentiasa proaktif untuk menangani masalah ketidaksepadanan pekerjaan melalui inisiatif-inisiatif yang diwujudkan.
2. Kementerian menerusi PERKESO telah menyediakan platform pencarian pekerjaan dalam portal MYFutureJobs dalam usaha untuk menangani isu berkaitan ketidaksepadanan pekerjaan dengan izin, *mismatch job*. MYFutureJobs berperanan membuat padanan pekerjaan berdasarkan kelayakan, kemahiran, pengalaman, gaji dan lain-lain mengikut keperluan majikan.
3. Situasi jurang ketidaksepadanan pekerjaan ini bagi semua golongan yang mencari pekerjaan dikawal selia melalui portal MYFutureJobs. Secara tidak langsung, portal ini berkeupayaan untuk membantu mengurangkan ketidaksepadanan dalam pasaran buruh. Platform ini perlu dimanfaatkan

oleh setiap pencari kerja kerana ianya merupakan langkah awal untuk golongan ini berada dalam pasaran kerja sekaligus membantu kebolehpasaran dalam kalangan mereka.

4. Berdasarkan statistik Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) PERKESO, dari tahun 2020 hingga 2022, seramai 776,511 pencari kerja telah berjaya mendapat pekerjaan di bawah program penempatan pekerjaan SIP.

5. Selain itu, Kementerian Sumber Manusia melalui TalentCorp telah membangunkan **platform MyNext** iaitu platform solusi bakat bersepadu dan data analitik yang menggabungkan siswazah, pekerja, syarikat dan institusi pendidikan. Fokus utamanya adalah untuk merapatkan jurang di antara penawaran bakat di Malaysia dengan pekerjaan masa hadapan (*future jobs*). MyNext juga bertindak sebagai portal untuk memudah cara latihan industri di peringkat nasional dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Tinggi.

6. Seterusnya, **Program Latihan Industri Berstruktur Nasional (*National Structured Internship Programme - MySIP*)** di bawah TalentCorp bertindak sebagai penggalak kepada penyertaan dan penglibatan lebih banyak syarikat dan industri untuk melatih bakat muda negara untuk membuka lebih banyak peluang penempatan latihan industri berkualiti melalui insentif potongan cukai berganda. Menerusi tinjauan dan kajian keberkesanan MySIP pada tahun 2022, 33% pelatih industri berjaya mendapat pekerjaan pertama hasil dari tugas Latihan Industri dan ini merupakan langkah intervensi yang boleh membantu saluran bakat mendapat pekerjaan pertama melalui latihan industri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN EDWIN ANAK BANTA [SELANGAU]

TARIKH : 23 MAC 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN EDWIN ANAK BANTA [SELANGAU] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan status terkini projek menaik taraf Loji Air Sekuau, Selangau, Bahagian Sibu, Sarawak yang telah diumumkan semasa lawatan PM6 ke Sekuau pada tahun 2016.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Loji Air Sekuau, Selangau, Sarawak kini di peringkat rekabentuk terperinci oleh perunding yang dilantik oleh Kementerian. Projek ini mengalami sedikit kelewatan disebabkan berlaku perubahan skop dan kos projek daripada RM65.2 juta kepada RM117.04 juta selepas Makmal Kajian Nilai (*VA Lab*) dilaksanakan.

Untuk makluman Yang Berhormat jua, projek ini dijangka akan melalui Makmal Kejuruteraan Nilai (*VE Lab*) dalam suku kedua tahun 2023 dan pelaksanaan projek ini akan memberi manfaat kepada 980 bilangan pintu/ akaun baharu di kawasan Sekuau dan sekitarnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI
(DUNGUN)**

TARIKH : 23 MAC 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI [DUNGUN] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah ada perancangan pembinaan sebuah stadium mini berkapasiti 20,000 orang untuk rakyat Dungun kerana Dungun merupakan satu-satunya daerah yang masih belum mempunyai stadium mini walaupun Dungun telah melahirkan atlet bola sepak negeri dan negara seperti arwah Ariffin Osman (Terengganu), Muhammad Safawi Rasid (Malaysia), Alif Mat Amin (Pahang Rangers) dan Amar Makruf Sharuddin (*AD Alcorcon Sepanyol*).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) tidak mempunyai sebarang perancangan untuk membina stadium mini di Dungun, Terengganu. Keutamaan Kementerian pada masa ini adalah untuk menaik taraf kemudahan KBS sedia ada.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN YEO BEE YIN [PUCHONG]

TARIKH : 23 MAC 2023 (KHAMIS)

SOALAN

PUAN YEO BEE YIN [PUCHONG] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan langkah-langkah Kementerian untuk mengatasi masalah pengimportan haram e-waste dan kilang-kilang haram pemprosesan e-waste yang semakin berleluasa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) komited untuk memastikan Malaysia tidak dijadikan tempat transit atau pelupusan sisa elektronik (*electronic waste - e-waste*) dari negara-negara maju. Ia adalah selaras dengan komitmen negara kepada *Basel Convention on The Control of Transboundary Movements of Hazardous Wastes and Their Disposal*, yang mana Malaysia perlu memastikan semua pergerakan rentas sempadan buangan terjadual mempunyai kelulusan terlebih dahulu sebelum sebarang aktiviti transit, *transshipment*, import dan eksport dapat dijalankan.
2. Untuk makluman, Konvensyen Basel telah menetapkan supaya pengurusan e-waste yang merentasi sempadan hendaklah melalui *Prosedur Prior Informed Consent (PIC)* yang mana kebenaran negara

SOALAN NO: 21

pengimport perlu diperolehi sebelum ia dihantar ke negara berkenaan. Setiap aktiviti pengimportan e-waste dikawal selia melalui syarat dan kriteria seperti berikut:

- i) e-waste yang disenaraikan di bawah List A (Annex 8) dan List B (Annex 9) hendaklah melalui prosedur *Prior Informed Consent* (PIC). Pengimportan yang gagal mematuhi prosedur ini dikategorikan sebagai illegal shipment di bawah Artikel 9; dan
- ii) Artikel 9 Basel Konvensyen juga menyatakan bahawa negara pengeksport yang tidak mendapat kelulusan dari negara pengimport bagi barang dagangan yang dikategorikan sebagai buangan terjadual perlu mengambil semula barang dagangan tersebut dalam tempoh 30 hari.

3. Dalam masa yang sama, Kementerian ini melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) akan terus memperkasa pemantauan dan penguatkuasaan bagi pengimportan e-waste yang digunakan oleh industri kitar semula. Tindakan tegas akan diambil ke atas mana-mana pengimport yang gagal mematuhi peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan termasuklah menghantar balik kontena e-waste import tersebut ke negara asal selaras dengan Artikel 9, Konvensyen Basel.

4. Selain itu, di bawah Seksyen 34B, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127), sebarang penempatan peletakan buangan terjadual sama ada di darat atau dalam perairan Malaysia, transit atau membenarkan ditransit e-waste tanpa kelulusan daripada Ketua Pengarah JAS, adalah menjadi satu kesalahan di bawah Akta 127 dan jika disabitkan kesalahan boleh dihukum penjara tidak melebihi 5 tahun dan denda tidak melebihi RM500,000 (lima ratus ribu ringgit).

Tuan Yang di-Pertua,

5. Bagi pengurusan e-waste di dalam negara, Kementerian sedang dan akan terus menguatkuasa Akta 127 termasuklah mengawal kegiatan kilang haram yang memproses e-waste. Tindakan pemantauan dan

SOALAN NO: 21

penguatkuasaan akan dilaksanakan secara bersepadu dengan pelbagai agensi termasuk Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

6. Antara tindakan yang boleh diambil ke atas premis yang tidak mematuhi Akta 127 adalah seperti berikut:

- i) premis boleh dikenakan perintah larangan dan tidak dibenarkan untuk beroperasi sehingga syarat-syarat yang dikenakan dalam perintah larangan dipatuhi sepenuhnya; dan
- ii) tindakan mahkamah berdasarkan seksyen 18, Akta 127 boleh diambil kepada premis yang beroperasi tanpa lesen dan boleh dikenakan tindakan denda tidak melebihi RM50,000 (lima puluh ribu ringgit) atau penjara tidak melebihi lima (5) tahun atau kedua-duanya.

7. Untuk makluman, Kementerian sekarang dalam fasa membuat dan memurnikan pindaan Akta 127 Fasa 1. Kadar denda akan ditingkatkan pada satu tahap yang lebih *deterrent* bagi menunjukkan kesungguhan dan komitednya Kerajaan dalam mengatasi masalah pengimportan haram e-waste.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN NURUL AMIN BIN HAMID
[PADANG TERAP]**

TARIKH : 23 MAC 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN NURUL AMIN BIN HAMID [PADANG TERAP] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah keperluan melantik Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JPKKP) di negeri-negeri yang bukan ditadbir oleh parti yang memerintah Kerajaan Persekutuan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Penubuhan JPKKP di negeri-negeri yang tidak sealiran dengan Kerajaan Persekutuan bukanlah suatu perkara baharu atau asing kerana ianya telah lama dilaksanakan oleh kerajaan yang memerintah sebelum ini. Sebagai contoh, pada tahun 2008, JPKKP telah ditubuhkan di negeri-negeri yang tidak sealiran dengan Kerajaan Persekutuan pada masa itu yang bertujuan untuk melancarkan pelaksanaan program-program pembangunan Kerajaan Persekutuan di peringkat kampung.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MUHAMMAD ISMI BIN MAT TAIB
[PARIT]**

TARIKH : 23 MAC 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN MUHAMMAD ISMI BIN MAT TAIB [PARIT] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan inisiatif yang dilakukan oleh Kementerian berkenaan sepanjang jajaran Sungai Perak di dalam daerah Perak Tengah yang menghadapi masalah hakisan tebing.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kementerian melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) mengambil perhatian serius berkenaan masalah hakisan tebing di sepanjang jajaran Sungai Perak di daerah Perak Tengah.
2. JPS akan melaksanakan Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Perak Fasa 1 di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) dengan kos berjumlah RM 28.69 juta. Projek ini meliputi kerja-kerja pembaikan tebing di 26 cadangan lokasi hakisan tebing sepanjang 6 km. Projek ini di peringkat perlantikan perunding untuk rekabentuk terperinci dan dijangka tender pada Julai 2024 dan anggaran tempoh pelaksanaan projek selama 2 tahun

SOALAN NO: 24

3. Pada tahun 2022, bagi mengurangkan risiko banjir, JPS telah melaksanakan 29 kerja-kerja kecil di Daerah Perak Tengah berjumlah RM 1.75 juta seperti berikut:

- i. Projek pemuliharaan sungai untuk mengurangkan risiko banjir berjumlah RM1.20 juta yang melibatkan 7 projek kerja-kerja kecil; dan
- ii. Kerja-kerja bagi peruntukan Pengurusan dan Pemuliharaan Sungai-Sungai di Negeri Perak berjumlah RM550 ribu melibatkan 22 projek kerja-kerja kecil.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN ISNARAISSAH MUNIRAH MAJILIS
[KOTA BELUD]**

TARIKH : 23 MAC 2023 (KHAMIS)

SOALAN

PUAN ISNARAISSAH MUNIRAH MAJILIS [KOTA BELUD] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan projek-projek yang akan disegerakan bagi mengatasi masalah bekalan air dan banjir di Kota Belud.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian sentiasa bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Sabah dalam merancang dan melaksanakan Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) bagi memperluas liputan bekalan air bersih dan terawat di Negeri Sabah. Sebanyak dua (2) projek baharu dan tiga (3) projek sambungan telah diluluskan di bawah Program BALB bagi Parlimen Kota Belud pada tahun 2023 dengan peruntukan berjumlah RM7.23 juta.

Projek baharu tersebut adalah Projek Membina Sistem Bekalan Air Luar Bandar (BALB) di Mukim Wariu dan Kawasan Sekitarnya, Kota Belud dan Projek Menaiktaraf Loji Rawatan Air Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Kampung Bayayat, Kota Belud.

Manakala tiga (3) projek sambungan yang diluluskan di Parlimen Kota Belud pula adalah Projek BALB Pembinaan Telaga Tiub di Loji Rawatan Air Bayayat, Kota Belud, Sabah yang telah siap sepenuhnya dan dalam peringkat Defect Liability Period (DLP) dan Projek BALB Pembinaan Telaga Tiub di Loji Rawatan Air Pekan, Kota Belud, Sabah kini dalam peringkat penyediaan dokumen tender oleh perunding yang dilantik oleh Kementerian. Bagi Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Sistem Retikulasi Tahun 2016 Negeri Sabah Zon 11 - Daerah Kota Belud pula sedang dalam proses penutupan akaun.

Bagi memastikan pembangunan infrastruktur bekalan air di Parlimen Kota Belud terus dipertingkatkan, Yang Berhormat boleh mengemukakan permohonan projek-projek yang mendesak kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Sabah untuk dimasukkan ke dalam senarai keutamaan negeri sebelum diangkat oleh Kementerian kepada Kementerian Ekonomi bagi kelulusan di bawah Rolling Plan berikutnya.

Manakala berdasarkan maklumat daripada Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri sedang dalam perancangan melaksanakan kerja segera (*quick-win*) di Sungai Kedamaian / Sungai Tempasuk / Sungai

Abai dan Sungai Kawang-Kawang bagi mengatasi isu-isu banjir di Daerah Kota Belud dan dilaksanakan pada tahun ini.

Selain itu, Rancangan Tebatan Banjir Sungai Gurong-Gurong, Lembangan Sungai Gurong-Gurong, Pekan Kota Belud, Kota Belud, Sabah berjumlah RM 27 juta telah siap dilaksanakan pada 31 November 2022 serta memberi manfaat kepada 5,000 orang penduduk dan 20 hektar kawasan banjir dapat diselamatkan.

Bagi penyelesaian menyeluruh isu banjir di *Kota Belud, Feasibility Study for Integrated Water Resources and Flood Mitigation In Kota Belud, Sabah* telah siap pada Januari 2023. Hasil kajian ini dapat meneliti perancangan pembangunan mengikut kaedah dan tempoh pelaksanaan yang optimum.

Manakala bagi perancangan jangka panjang, Rancangan Tebatan Banjir Sungai Kedamaian / Sungai Tempasuk / Sungai Abai dan Sungai Kawang-Kawang, Kota Belud, Sabah peruntukan sebanyak RM50 juta telah diluluskan dan dijangka siap pada tahun 2024.

Dengan siapnya projek-projek ini di Parlimen Kota Belud, ianya dapat mengurangkan impak banjir disebabkan oleh limpahan sungai. Semua projek yang dirancang telah siap mengikut jadual dengan jaminan kualiti kejuruteraan yang terbaik.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ROY ANGAU ANAK GINGKOI
(LUBOK ANTU)**

TARIKH : 23 MAC 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN ROY ANGAU ANAK GINGKOI [LUBOK ANTU] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan bagaimanakah Kementerian merancang untuk menerapkan elemen Malaysia Madani dalam usaha ke arah pembangunan belia dan sukan yang holistik serta usaha meningkatkan penglibatan belia di kawasan luar bandar dalam aktiviti dan program Kementerian agar mereka sentiasa cakna mengenai pelbagai latihan, bantuan dan peluang yang disediakan oleh pelbagai jabatan dan agensi Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) amat prihatin dan sentiasa cakna untuk meningkatkan pembangunan belia di kawasan luar bandar melalui penyediaan aktiviti dan program – program oleh KBS. Ini adalah sebagai menyahut seruan kerajaan dalam dalam membentuk sebuah negara MADANI yang memberi perhatian aspek pemeraksanaan ekonomi belia dan budaya yang berteraskan nilai dan akhlak terpuji.

SOALAN NO : 26

KBS melalui Jabatan Belia dan Sukan Negeri dan Pejabat Belia dan Sukan Daerah memainkan peranan penting dalam mempromosi dan menyantuni belia luar bandar mengambil bahagian secara aktif dalam pelbagai inisiatif latihan, bantuan melalui pelaksanaan program-program seperti berikut : -

- i. Hari Belia Negara Peringkat Daerah, pada tahun 2022, 117 program telah dilaksanakan di seluruh daerah dengan penyertaan seramai 446,662 orang peserta;
- ii. Program Social Entrepreneurship For Rural Youth (SERY), pada tahun 2023 KBS mensasarkan 5 projek keusahawanan sosial akan dilaksanakan oleh peserta;
- iii. Program Cakna Ekonomi Anak Muda, pada tahun 2023 KBS telah merancang untuk melaksanakan 30 aktiviti dengan sasaran penyertaan seramai 9,000 orang peserta.
- iv. Program Intervensi Sosial (Youth to Youth), pada tahun 2023 KBS telah merancang untuk melaksanakan 122 Siri dengan sasaran peserta seramai 12,200 orang peserta; dan
- v. Kem Belia Sejahtera, pada tahun 2023 program ini akan dilaksanakan 14 siri dengan sasaran penyertaan seramai 840 orang peserta.

Selain dari itu, KBS turut komited untuk memenuhi keperluan semasa negara dan memenuhi potensi rakyat melalui pendidikan khususnya Pendidikan Latihan Teknikal Dan Vokasional (TVET) yang disediakan melalui 22 buah Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS) di seluruh negara.

Pelbagai inisiatif program berteraskan latihan kemahiran dan teknikal disediakan kepada golongan belia massa, termasuklah belia NEET (*not in employment, education and training*), belia berisiko, belia berkeperluan khas. Antara program inisiatif yang dilaksanakan ialah program Bootcamp KBS, Program STAR@U MyFuture Youth Plus,

SOALAN NO : 26

Program Makerspace Mybizhub @ILKBS, Program Inkubator @ILKBS dan Program MyFuture Agro@ILKBS. Sebanyak 101 program telah dilaksanakan pada tahun 2022 melibatkan penyertaan belia seramai 1,813 orang. Pada tahun ini KBS akan melaksanakan sebanyak 91 program di bawah inisiatif ini dengan sasaran penyertaan seramai 1,033 orang belia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pada tahun ini Kementerian melalui Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia melaksanakan program **Skills For Life** bertujuan untuk menyediakan peluang latihan kemahiran asas kepada belia setempat melalui kursus jangka pendek dengan menggunakan peralatan, kemudahan sedia ada, bahan guna habis dan kepakaran tenaga pengajar ILKBS. Program ini secara tidak langsung membantu menangani kos sara hidup yang tinggi yang dihadapi oleh belia dan masyarakat pada masa kini. Sebanyak 22 program akan dilaksanakan oleh ILKBS dengan mensasarkan penyertaan seramai 10 hingga 20 orang bagi setiap program. Program dijalankan dalam tempoh tiga (3) hingga lima (5) jam pada hujung minggu (Jumaat, Sabtu atau Ahad) dan dilaksanakan di luar ILKBS dengan menggunakan fasiliti di bawah KBS atau lain-lain fasiliti sedia ada yang bersesuaian.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DR. KELVIN YII LEE WUEN
[BANDAR KUCHING]**

TARIKH : **23 MAC 2023 (KHAMIS)**

SOALAN

DR. KELVIN YII LEE WUEN [BANDAR KUCHING] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah peratusan vaksinasi termasuk dos ke-4 di seluruh negara. Selain itu, berapa jumlah vaksin yang masih ada dan bila stok tersebut akan mencapai tarikh luput dan perancangan Kementerian untuk stok tersebut termasuk pelan untuk membeli vaksin bi-valent.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga 22 Mac 2023, seramai 27,544,784 (84.3%) penduduk telah menerima dos primer lengkap, manakala 16,320,153 (50%) penduduk telah menerima dos penggalak pertama dan 815,671 (2.5%) populasi telah menerima menerima dos penggalak kedua. Daripada jumlah tersebut,

- i. Dalam kalangan penduduk dewasa berumur 18 tahun ke atas, seramai 23,140,956 (98.4%) telah menerima dos primer lengkap, manakala 16,253,760 (69.1%) telah menerima dos penggalak pertama dan 815,191 (3.5%) telah menerima menerima dos penggalak kedua;

- ii. Dalam kalangan remaja berumur 12 hingga bawah 18 tahun, seramai 2,858,623 (91.9%) telah menerima dos primer lengkap, manakala 60,436 (1.9%) telah menerima dos penggalak pertama; dan
- iii. Dalam kalangan kanak-kanak berumur 5 hingga bawah 12 tahun, seramai 1,545,205 (43.5%) telah menerima dos primer lengkap.

2. Secara keseluruhan kedudukan baki stok vaksin COVID-19 pada 1 Februari 2023 adalah sebanyak **8,633,249** dos dengan pelbagai jenama yang akan luput antara **Februari 2023 sehingga September 2023** seperti Jadual 1 di bawah. Bekalan vaksin sedia ini akan digunakan bagi meneruskan PICK khususnya untuk pemberian dos penggalak.

Jadual 1: Bilangan baki dos mengikut jenama dan tarikh luput

Jenis Vaksin	Jumlah Baki Stok Vaksin (dos)	Jangkaan Tarikh Luput
Sinopharm (Covilo)	499,970	Sept 2023 (sumbangan UAE)
Can Sino (Convidencia)	144,978	Februari 2023
	2,100,000	Mac 2023
	900,000	April 2023
Sinovac (Coronavac)	1,156,389	Mac-Julai 2023
	1,000,000	September 2023 (sumbangan China)
Pfizer (Comirnaty)	2,587,650	Februari – April 2023
Pfizer Paeds (Comirnaty Paeds)	244,262	Februari - Jun 2023
JUMLAH	8,633,249	

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. RICHARD RAPU@AMAN ANAK
BEGRI [BETONG]**

TARIKH : 23 MAC 2023 (KHAMIS)

SOALAN

DR. RICHARD RAPU@AMAN ANAK BEGRI [BETONG] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan usaha dan perancangan Kementerian bagi menentukan perkhidmatan kesihatan, kelengkapan dan infrastruktur serta keperluan sumber manusia di Hospital Betong dapat ditambah bagi menampung keperluan pesakit yang telah meningkat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Hospital Betong telah mula beroperasi sejak tahun 1992 dan merupakan sebuah hospital tanpa pakar dengan kapasiti 48 buah katil. Kadar penggunaan katil (BOR) terkini pada tahun 2022 adalah 49%. Untuk makluman, kerja penggantian sistem perpaipan seluruh hospital, naik taraf Unit Kecemasan, dan naik taraf Unit Hemodialisis Hospital Betong telah dilaksanakan pada tahun 2019.

2. Untuk makluman, buat masa ini, Jabatan Pesakit Luar serta Klinik Ibu dan Anak sedang beroperasi di Hospital Betong. KKM bercadang untuk membina sebuah klinik kesihatan baharu di bandar Betong dan memindahkan perkhidmatan Jabatan Pesakit Luar dan Klinik Ibu dan Anak tersebut ke klinik baharu tersebut. Ini akan memberikan lebih banyak ruang untuk menambah baik perkhidmatan kesihatan di hospital. Cadangan ini telah dikenal pasti sebagai keutamaan negeri dalam *Rolling Plan 4* Rancangan Malaysia Ke-12 (RP4, RMK12).

3. Hospital Betong bersama Hospital Sri Aman sebagai hospital *lead* membentuk Hospital Kluster Sarawak Tenggara. Menerusi inisiatif hospital kluster ini, enam perkhidmatan kepakaran telah dimulakan di Hospital Betong seperti perkhidmatan kepakaran Perubatan, Pembedahan, Obstetrik & Ginekologi, Pediatrik, Ortopedik dan Psikiatri. Lawatan pakar secara berkala ini dijadualkan 1 hingga 2 kali sebulan mengikut bidang kepakaran.

4. Perkhidmatan hospital ini disokong dengan 14 Pegawai Perubatan, sembilan (9) Pegawai Farmasi, 60 Jururawat, 28 Penolong Pegawai Perubatan dan 141 petugas dalam skim perkhidmatan yang lain. Secara keseluruhan terdapat seramai 252 kakitangan berkhidmat di Hospital Betong.

5. KKM akan mengkaji keperluan naiktaraf hospital ini dari semasa ke semasa tertakluk kepada keperluan perluasan perkhidmatan kepakaran, ketersediaan sumber manusia, dan peruntukan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **PUAN RODIYAH BINTI SAPIEE
[BATANG SADONG]**

TARIKH : **23 MAC 2023 (KHAMIS)**

SOALAN

PUAN RODIYAH BINTI SAPIEE [BATANG SADONG] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah naik taraf Klinik Kesihatan (KK) Semera dan KK Sadong Jaya serta Hospital Simunjan dapat dilaksanakan dengan segera dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Klinik Kesihatan Semera sedia ada terpaksa ditutup atas faktor keretakan dan operasi telah dipindahkan ke KK Asajaya dan KK Jemukan. KKM telah memperuntukkan RM483,000.00 kepada Klinik Kesihatan Semera bagi menyediakan kabin yang akan diubah suai menjadi bangunan klinik. KKM akan mengkaji keperluan KK Semera baharu tertakluk kepada ketersediaan tapak yang lebih sesuai dan peruntukan kerajaan.

2. Klinik Kesihatan Sadong Jaya telah mula beroperasi pada tahun 1974. KKM sedia maklum akan kedatangan pesakit yang semakin meningkat, mencecah 122 orang sehari. Bagi menambah baik perkhidmatan di KK Sadong Jaya, sebanyak RM110,000.00 telah diperuntukkan untuk menaik taraf bilik rawatan kecemasan. Rancangan

NO. SOALAN : 29

untuk menaik taraf klinik ini masih dalam peringkat mengenal pasti tapak yang sesuai.

3. Cadangan blok wad tambahan Hospital Simunjan telah disenaraikan dalam permohonan RP4 RMK-12 bagi mengatasi masalah keretakan bangunan atas sebab mendapan tanah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN SITI MASTURA BINTI MUHAMMAD
[KEPALA BATAS]**

TARIKH : 23 MAC 2023 (KHAMIS)

SOALAN

**PUAN SITI MASTURA BINTI MUHAMMAD [KEPALA BATAS] minta
MENTERI KESIHATAN menyatakan:**

- (a) adakah terdapat langkah untuk menaik taraf Hospital Kepala Batas kepada Hospital Berpakar Penuh berbanding nisbah penduduk di Kepala Batas terkini; dan
- (b) adakah pihak Kementerian bersetuju untuk menambah bilangan penjawat, wad dan lain-lain kemudahan Hospital Kepala Batas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Hospital Kepala Batas telah dinaik taraf daripada Hospital Tanpa Pakar kepada Hospital Berpakar Minor secara berperingkat mulai Disember 2015. Setakat Januari 2023, terdapat sebanyak 8 Jabatan dan Unit ditubuhkan dengan penempatan Pakar Perubatan pelbagai disiplin, sama ada dengan penempatan tetap atau melalui inisiatif Hospital Kluster Seberang Perai iaitu:

- i. Jabatan Perubatan;
- ii. Jabatan Kecemasan dan Trauma;
- iii. Jabatan Pediatrik;

- iv. Jabatan Obstetrik dan Ginekologi;
- v. Jabatan Anestesiologi;
- vi. Unit Patologi dan Tabung Darah;
- vii. Unit Pembedahan Am; dan
- viii. Unit Ortopedik.

2. Selain itu, Hospital Kepala Batas juga menyediakan sebanyak 12 perkhidmatan klinikal yang lain (sub kepakaran) melalui Pakar Pelawat dari Hospital Kluster Seberang Perai dan Hospital Pulau Pinang di Klinik Pakar. Perkhidmatan sub kepakaran yang diberikan merangkumi Klinik-klinik Pakar:

- i. Telinga, Hidung dan Tekak;
- ii. Oftalmologi;
- iii. Ortopedik Pediatrik;
- iv. Onkologi;
- v. Hematologi;
- vi. Kardiologi;
- vii. Respiratori/ COVID-19;
- viii. Neurologi;
- ix. Nefrologi;
- x. Reumatologi;
- xi. Psikiatri; dan
- xii. Perubatan Sukan.

3. Kemudahan Dewan Bedah dan perkhidmatan Perubatan Tradisional dan Komplementari juga disediakan kepada rakyat di kawasan sekitar Kepala Batas.

4. KKM akan meneliti keperluan kakitangan, wad dan lain-lain kemudahan Hospital Kepala Batas dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED
ABDUL FASAL [BUKIT GANTANG]**

TARIKH : 23 MAC 2023 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED ABDUL FASAL [BUKIT GANTANG] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan status kemajuan projek pembinaan pam air bagi mengatasi masalah banjir di Kuala Sepetang dan status permohonan kelulusan RM70 juta bagi Rancangan Tebatan Banjir Sungai Larut Fasa 2, Parlimen Bukit Gantang yang terletak dalam Daerah Larut Matang dan Selama.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kementerian sentiasa mengambil langkah proaktif dalam melaksanakan langkah mitigasi banjir bagi mengurangkan risiko banjir berpunca daripada limpahan sungai.
2. Bagi pembinaan pam air bagi mengatasi masalah banjir, JPS telah melaksanakan Projek Infrastruktur Mekanikal Dan Elektrikal Untuk Kawalan Banjir seperti berikut:
 - i. Dua (2) projek di Kuala Sepetang dengan kos berjumlah RM 4 juta di bawah *Rolling Plan 1* (RP1) Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12);

SOALAN NO: 31

- ii. Satu (1) projek Rumah Pam di Masjid Tengku Menteri (*Matang Road*) Mukim Jebong Daerah Larut Matang, Selama Perak/ Projek ini ditender pada tahun 2023 dengan anggaran kos berjumlah RM1.6 juta;
 - iii. Satu (1) projek di Pekan Kuala Sepetang, Mukim Jebong, Daerah Larut Matang, Selama, Perak dengan anggaran kos berjumlah RM2.4 juta. Projek ini masih dalam peringkat pelantikan perunding dan dijangka membuat rekabentuk terperinci selama 7 bulan pada Mac 2023.
3. Manakala bagi projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Larut Fasa 2, Daerah Larut Matang Selama, Perak akan dipohon di bawah *Rolling Plan 4* (RP4) di bawah RMKe-12 yang melibatkan kos berjumlah RM 38.4 juta.
 4. Bagi mengurangkan risiko banjir, JPS Negeri Perak telah melaksanakan kerja-kerja kecil berjumlah RM 227 ribu.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]**
TARIKH : **23 MAC 2023 (KHAMIS)**

SOALAN

DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kenapa Kerajaan mengiktiraf Lembaga Kepakaran Amerika Syarikat seperti American Board of Internal Medicine tetapi tidak mengiktiraf American Board of Family Medicine.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012) telah dikuatkuasakan mulai 1 Julai 2017. Setelah pindaan ini dikuatkuasakan, sebarang pengiktirafan kelayakan pakar adalah di bawah bidang kuasa Majlis Perubatan Malaysia (MPM).
2. MPM telah meluluskan dan mengiktiraf senarai kelayakan pakar yang diguna pakai terdahulu oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan *National Specialist Register* (NSR) pada tahun 2017 di mana American Board of Family Medicine adalah tidak tersenarai sebagai salah satu kelayakan pakar yang diterima pakai. Walau bagaimanapun, manamana institusi boleh memohon kepada pihak MPM untuk pengiktirafan sebarang program kepakaran yang baharu mengikut prosedur yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATO' HAJAH MUMTAZ BINTI MD
NAWI [TUMPAT]**

TARIKH : **23 MAC 2023 (KHAMIS)**

SOALAN

DATO' HAJAH MUMTAZ BINTI MD NAWI [TUMPAT] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah Dasar Pemakanan Kebangsaan Malaysia 2.0 berjaya membentuk rakyat agar mengambil makanan yang berkhasiat dan seimbang seterusnya mengubah gaya hidup masyarakat menjadi aktif dan sihat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dasar Pemakanan Kebangsaan Malaysia (DPKM) 2.0 merupakan satu mandat dan menyediakan hala tuju untuk pembangunan dan pelaksanaan bagi semua aktiviti pemakanan dalam negara. Dasar ini diterjemahkan kepada tindakan melalui Pelan Tindakan Pemakanan Kebangsaan Malaysia atau *National Plan of Action for Nutrition in Malaysia* (NPANM) III (2016-2025). NPANM III merupakan satu pelan multi-sektoral yang komprehensif dan mengandungi objektif, strategi dan aktiviti, serta indikator yang dipantau dari semasa ke semasa. Aktiviti-aktiviti yang telah dikenal pasti dilaksanakan di pelbagai peringkat oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), serta kementerian-kementerian dan agensi-agensi lain yang berkaitan.

2. Melalui pelaksanaan NPANM III ini, terdapat peningkatan dalam amalan pemakanan sihat dalam kalangan masyarakat. Hasil Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan atau *National Health and Morbidity Survey* (NHMS) menunjukkan bahawa peratusan pengambilan air kosong yang mencukupi di kalangan orang dewasa Malaysia meningkat daripada 44% (NHMS, 2015) kepada 49% (NHMS, 2019). Berdasarkan NHMS 2019, didapati sebanyak 21% orang dewasa Malaysia mengetahui tentang konsep “Pinggan Sihat Malaysia” atau “Suku Suku Separuh”, setelah ia mula dipromosikan secara meluas pada tahun 2017. Di samping itu, konsep Suku Suku Separuh turut diaplikasikan oleh orang awam terutama untuk mengurangkan berat badan dan diberi advokasi secara meluas di semua media termasuk media sosial.

3. Namun begitu, NHMS menunjukkan bahawa hanya 5% orang dewasa Malaysia mengambil buah-buahan dan sayur-sayuran yang mencukupi. Pelbagai faktor boleh mempengaruhi situasi ini, termasuklah keupayaan rakyat untuk membeli makanan ini, dan pengetahuan pemakanan yang mungkin tidak mencukupi. Oleh itu, bagi memastikan maklumat pemakanan sentiasa tersedia dan dapat diakses, pihak KKM telah menerbitkan Panduan Diet Malaysia dan Piramid Makanan Malaysia yang terkini pada tahun 2020. Panduan Diet dan Piramid Makanan Malaysia 2020 menggalakkan pengambilan sayur-sayuran dan buah-buahan yang lebih banyak berbanding kumpulan makanan lain. Kumpulan makanan ini telah diletakkan di bahagian dasar piramid, menggantikan kumpulan makanan sumber karbohidrat dalam piramid makanan Malaysia 2010.

4. Hasil pemantauan KKM, didapati *prevalence* berlebihan berat badan dan obesiti di kalangan orang dewasa Malaysia adalah semakin meningkat dari tahun 1996 hingga 2019. Walau bagaimanapun, kadar peningkatan ini didapati semakin berkurangan. Kadar peningkatan prevalen berlebihan berat badan adalah 75% pada tahun 1996 hingga 2006 dan 4% pada tahun 2006 hingga 2019. Sementara bagi prevalen obesiti pula, kadar peningkatannya adalah 218% pada tahun 1996 hingga 2006 dan 40.4% pada tahun 2006 hingga 2019.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS, TAHUN 2023**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]

TARIKH : 23 MAC 2023 (KHAMIS)

SOALAN

PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bilangan pekerja domestik Indonesia telah datang bekerja di Malaysia melalui 'One Channel System'. Apakah gaji minima dan kebajikan pekerja domestik di bawah perjanjian di antara Kerajaan Malaysia dan Indonesia dan cara Kerajaan memantau pengawasan tarif fi agensi Malaysia dan agensi Indonesia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada 1 April 2022, Kerajaan Malaysia dan Republik Indonesia telah memeterai Memorandum Persefahaman Penggajian dan Perlindungan Pekerja Domestik Indonesia di Malaysia. Sehingga 20 Januari 2023, bilangan kemasukan pekerja domestik Indonesia yang telah tiba di Malaysia melalui '*One Channel System*' adalah seramai 800 orang.

2. Memorandum Persefahaman tersebut telah memperuntukan jaminan dan perlindungan bayaran upah kepada pekerja domestik Indonesia. Gaji permulaan bulanan di bawah Memorandum Persefahaman ini adalah tidak boleh kurang daripada kadar gaji minimum yang sedang berkuatkuasa di negara ini, iaitu RM1500.

SOALAN NO: 34

3. Di samping itu, Memorandum Persefahaman berkenaan juga memperuntukan perlindungan dan kebajikan kepada pekerja domestik Indonesia yang meliputi hak kepada notis penamatan kontrak pekerjaan, cuti tahunan berbayar, cuti rehat mingguan, waktu rehat, gaji bulanan tambahan selepas tamat kontrak pekerjaan, perlindungan sosial termasuk insurans, mobiliti (tiada penahanan passport dan dokumen diri oleh majikan), akses kepada maklumat/keluarga (dibenarkan menyimpan/mempunyai telefon bimbit), dan hak mendapatkan makanan dan minuman, serta kemudahan bilik peribadi (elemen privasi) yang wajar (*decent*).

4. Pemantauan ke atas pelaksanaan Memorandum Persefahaman, termasuk kos penempatan dan tarif fi agensi pekerjaan swasta di Malaysia dengan izin, *Malaysian Private Recruitment Agencies* dan agensi pekerjaan swasta di Republik Indonesia dengan izin, *Indonesian Placement Agencies* dilaksanakan melalui Mesyuarat Kumpulan Kerja Bersama (JWG) di antara Kerajaan Malaysia dan Republik Indonesia seperti yang telah dipersetujui oleh kedua-dua negara di bawah Memorandum Persefahaman. Mesyuarat dengan izin, *Joint Working Group Meeting* ini diadakan empat (4) kali setahun.

5. Di samping itu, Memorandum Persefahaman ini juga memperuntukkan beberapa dengan izin, '*key performance indicators*' yang perlu dipatuhi oleh agensi-agensi pekerjaan di Malaysia dan juga di Republik Indonesia. Salah satu KPI tersebut adalah berhubung kos penempatan, termasuk fi agensi yang dikenakan oleh agensi pekerjaan di Malaysia dengan izin, *Malaysian Recruitment Agencies* dan agensi pekerjaan di Indonesia dengan izin, *Indonesian Placement Agencies* kepada majikan yang tidak boleh melebihi RM15,000.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **TUAN ONN BIN ABU BAKAR
[BATU PAHAT]**

TARIKH : **23 MAC 2023 (KHAMIS)**

SOALAN

TUAN ONN BIN ABU BAKAR [BATU PAHAT] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan terdapat banyak kekosongan jawatan yang belum diisi khususnya bagi jawatan tetap pegawai perubatan (dokter). Dicadangkan pengisian jawatan tersebut memberikan keutamaan kepada doktor kontrak yang telah lama berkhidmat. Apakah langkah pengisian jawatan tersebut telah memberi keutamaan kepada mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga 31 Disember 2022, terdapat 24,548 Pegawai Perubatan kontrak telah dilantik di Kementerian Kesihatan. Daripada jumlah tersebut seramai 4,255 atau 17% Pegawai Perubatan kontrak telah dilantik tetap.
2. Pertimbangan untuk melantik tetap Pegawai Perubatan kontrak adalah berdasarkan kekosongan jawatan tetap dan pegawai memenuhi syarat pelantikan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) selaku Pihak Berkuasa Melantik (PBM).
3. Proses penilaian bagi tujuan pelantikan tetap dilaksanakan secara objektif, adil dan telus. Penilaian dibuat berdasarkan prestasi tahunan dan penilaian semasa temuduga menerusi tatacara pengambilan SPA. Pegawai juga akan dinilai daripada aspek nilai, integriti dan keupayaan untuk bekerja secara berpasukan dan profesional untuk dilantik sebagai penjawat awam. Sekiranya pegawai tidak dilantik tetap, pegawai tersebut masih berpeluang untuk memohon ke jawatan tetap apabila terdapat kekosongan jawatan baharu iaitu 1,500 jawatan baharu yang akan diperolehi kelak selaras dengan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 19 Januari 2022 berikutan fasiliti baharu yang siap dibina atau dinaik taraf.
4. Bagi tahun 2023, Kementerian Kesihatan akan menawarkan 4,263 jawatan Pegawai Perubatan tetap untuk diisi oleh Pegawai Perubatan kontrak Kementerian yang memenuhi syarat pelantikan yang ditetapkan. Permohonan jawatan ini telah diiklankan oleh SPA pada 6 Januari 2023 dan telah ditutup pada 21 Januari 2023. Proses pelantikan tetap Pegawai Perubatan lantikan kontrak bagi tahun 2023 dijangka akan selesai pada Julai 2023.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN
ABD. KADIR [SETIU]**

TARIKH : **23 MAC 2023 (KHAMIS)**

SOALAN

TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR [SETIU] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan : -

- (a) apakah yang diambil oleh Kementerian bagi menyelesaikan isu doktor pelatih bekerja berterusan sehingga melebihi 24 jam; dan
- (b) apakah langkah Kerajaan dalam membawa pulang siswazah perubatan yang bekerja di luar negara selepas menamatkan pengajian di negara tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Antara langkah komprehensif yang diambil bagi menyelesaikan isu doktor pelatih bekerja berterusan adalah dengan memperkenalkan Sistem Waktu Bekerja Fleksi kepada doktor pelatih bagi menggantikan Sistem *on-call* sejak September 2011. Sistem tersebut dilaksanakan bagi memantapkan Program Pegawai Perubatan Siswazah dengan objektif utama untuk melahirkan pegawai perubatan yang kompeten dan selamat untuk mengamal dan memastikan doktor pelatih mempunyai *work-life balance* sepanjang mereka menjalani latihan siswazah di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

2. Menerusi Sistem Waktu Bekerja Fleksi ini, tempoh masa bertugas doktor pelatih telah dikurangkan daripada purata 90-120 jam seminggu kepada 60-62 jam dalam seminggu. Oleh itu, doktor pelatih tidak perlu bertugas dalam tempoh masa yang panjang melebihi 24 jam dan sekaligus dapat menangani isu *burn-out* dalam kalangan mereka.

3. Menerusi sistem tersebut juga doktor pelatih tidak dibenarkan bertugas melebihi tempoh 14 jam secara berterusan dalam satu-satu sesi tanpa diberikan rehat dan tidak dibenarkan bertugas secara *double duty* pada hari yang sama. Sekiranya doktor pelatih melaksanakan tugas fleksi malam, mereka akan diberikan *protected post-night flexy off* supaya mendapat rehat secukupnya. Peruntukan bayaran Elaun Fleksi sebanyak RM600 sebulan juga diberikan kepada doktor pelatih.

4. Bagi memantapkan lagi tahap pengetahuan dan kemahiran, doktor pelatih juga diberikan *protected time* bagi menghadiri sesi pembelajaran secara formal bersama pakar setiap minggu. Selain itu juga, doktor pelatih akan dibenarkan bercuti satu hari penuh dalam seminggu untuk berehat dan diberikan cuti gantian sekiranya diarahkan untuk bertugas pada hari kelepasan am serta layak menggunakan cuti rehat sebanyak 25 hari setahun sama seperti penjawat awam yang lain.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Kerajaan melalui TalentCorp melaksanakan pelbagai inisiatif bagi menarik bakat professional warga Malaysia yang berada di luar negara untuk pulang berkhidmat di tanah air. Sejak 2011, lebih dari 10,000 permohonan telah diterima oleh TalentCorp di bawah Program Kepulangan Pakar atau *Returning Expert Program* (REP). Daripada jumlah tersebut, lebih dari 6,000 pakar telah diluluskan untuk kembali di bawah program ini termasuklah 443 pakar dalam bidang penjagaan kesihatan merangkumi profesional dalam bidang pengurusan seperti kewangan dan pengurusan hospital.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS, TAHUN 2023**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK SERI M. SARAVANAN [TAPAH]

TARIKH : 23 MAC 2023 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK SERI M. SARAVANAN [TAPAH] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kementerian akan terus meminta **PERKESO** meneliti bagi mewujudkan perancangan untuk mengubah caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial (**PERKESO**) supaya menjadi skim pencen bagi memastikan pekerja sektor swasta memiliki jaringan keselamatan selepas bersara serta kemungkinan meningkatkan caruman **PERKESO** bagi mereka di sektor swasta dan mengubahnya sebagai skim pencen selepas mereka mencapai usia 60 tahun.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) menyambut baik cadangan YB Tapah. Justeru itu, KSM akan meneliti dan memperhalusi semula perancangan untuk meningkatkan kadar caruman supaya menjadi skim pencen warga emas untuk rakyat yang mencapai umur pesaraan dengan izin, *retirement age*. Ini bertujuan bagi mengelakkan kemiskinan dalam kalangan warga emas dengan izin, *old age poverty* dan secara tidak langsung, memastikan pekerja sektor swasta memiliki jaringan keselamatan selepas mereka mencapai usia 60 tahun.

2. Walau bagaimanapun, sebarang perubahan kepada pemberian faedah di bawah Akta-akta yang ditadbir oleh PERKESO mempunyai implikasi kewangan dan memerlukan libat urus serta kajian aktuari bersama Pertubuhan Buruh Antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI YUSUF BIN ABD. WAHAB
[TANJONG MANIS]**

TARIKH : 23 MAC 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN HAJI YUSUF BIN ABD. WAHAB [TANJONG MANIS] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilakah Kerajaan akan memulakan kerja-kerja pengorekan untk mendalamkan muara Batang Rajang di Tanjong Manis seperti yang telah diluluskan oleh Kerajaan sebelum ini. Kawasan ini mengalami masalah kecetekan muara dan membahayakan pelayaran kapal keluar dan masuk ke Pelabuhan Tanjong Manis.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Pada tahun 2010 Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Laut Malaysia telah melaksanakan satu kajian bertajuk "*The Coastal Hydraulic And Sedimentation Study For The Assessment Of Dredging Requirements For Pons And Rivermouth In Malaysia*" yang melibatkan beberapa buah sungai di Sarawak, antaranya ialah Sungai Sarawak, Batang Rajang dan Batang Baram.

2. Susulan daripada itu, Kerajaan Persekutuan telah melaksanakan kerja-kerja pengerukan di alur pelayaran Sungai Sarawak. Mengikut Laporan Survei Hidrografi Chad Datum (CD), kawasan alur Batang Rajang yang dikenal pasti sebagai kawasan cetek adalah Beting Bohari iaitu kira-kira 6 batu nautika daripada *baseline*, di luar kawasan muara sungai. Pelabuhan Tanjong Manis yang terletak 30 km daripada muara sungai mempunyai kedalaman *wharf* pada 11 meter. Oleh yang demikian, terdapat keperluan untuk melaksanakan kerja-kerja pengerukan alur pelayaran bagi kapal-kapal yang lebih besar untuk menggunakan Pelabuhan Tanjong Manis.

3. Dalam hubungan ini, Kementerian Pengangkutan berpandangan bahawa Kementerian Pengangkutan Sarawak serta Kementerian Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan Sarawak, dan Kementerian Pengangkutan melalui Jabatan Laut Malaysia perlu mengadakan perbincangan lanjut bagi mendapatkan ketetapan dan hala tuju yang lebih jelas mengenai kerja-kerja pengerukan di kawasan tersebut sekiranya berhasrat untuk dilaksanakan. Setakat ini, Kementerian Pengangkutan masih belum menerima sebarang cadangan daripada Kementerian Pengangkutan Sarawak serta Kementerian Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan, Sarawak berhubung kerja-kerja pengerukan di kawasan tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN
ISMAIL (BANDAR TUN RAZAK)**

TARIKH : 23 MAC 2023 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah menyeluruh yang akan atau sedang dilaksanakan terhadap isu kesihatan mental yang semakin meruncing yang mana ada di antara mereka yang tidak didiagnos dengan kemurungan tetapi menghadapi tekanan yang kuat dalam kehidupan seharian, seperti di tempat kerja atau lain-lain.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Secara dasarnya, pelaksanaan program dan perkhidmatan kesihatan mental negara adalah berpandukan kepada Pelan Strategik Kesihatan Mental Kebangsaan (2020-2025) yang menggariskan inisiatif seperti promosi kesihatan mental kepada semua lapisan masyarakat, menyediakan perkhidmatan dan capaian kesihatan mental yang komprehensif dan berkualiti serta meningkatkan usaha kolaborasi bersama agensi-agensi berkepentingan.

2. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menjalankan program pencegahan dengan strategi saringan kesihatan mental bagi membolehkan pengesanan awal dilakukan kepada individu yang mempunyai masalah kesihatan mental.

3. Sehingga kini perkhidmatan ini boleh diakses di 1,161 klinik kesihatan di seluruh Malaysia. Program saringan ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti faktor risiko masalah kesihatan mental dan seterusnya membolehkan pelaksanaan program intervensi awal dilaksanakan bagi mencegah masalah kesihatan mental yang lebih serius.

4. Selain daripada perkhidmatan sedia ada, KKM juga telah mengambil tindakan proaktif bagi memperkukuhkan perkhidmatan kesihatan mental untuk masyarakat termasuk:

- a) **Memperluaskan perkhidmatan kaunseling di peringkat kesihatan primer melalui penempatan 200 kaunselor secara kontrak (CFS).**

Kaunselor kontrak ini telah ditempatkan di 138 Pejabat Kesihatan Daerah bagi memberikan perkhidmatan secara berjadual di 831 klinik kesihatan di seluruh negara. Kerajaan juga telah memberi kelulusan bagi pelanjutan perkhidmatan 200 kaunselor kontrak ini sehingga 3 Ogos 2023. Selain itu, terdapat juga Badan Bukan Kerajaan yang berperanan dalam menyampaikan perkhidmatan kaunseling dan sokongan psikososial di peringkat komuniti.

b) **Perkhidmatan Talian Krisis Kesihatan Mental Kebangsaan – Talian HEAL 15555**

Talian HEAL 15555 adalah talian bantuan bagi krisis kesihatan mental yang menawarkan perkhidmatan tele-kaunseling bertujuan memberikan bantuan sokongan emosi dan psikososial serta intervensi awal krisis. Talian ini telah mula beroperasi pada 21 Oktober 2022 di mana ia merupakan kesinambungan daripada Talian Perkhidmatan Kesihatan Mental dan Sokongan Psikososial yang diwujudkan pada 25 Mac 2020. Talian ini dikendalikan oleh Pegawai Psikologi Kaunseling KKM. Antara krisis kesihatan mental yang dikendalikan adalah seperti tingkah laku bunuh diri, kemurungan, *panic attack*, anizieti, dan stres.

c) **Memperkukuh program sokongan kesihatan mental dan psikososial di peringkat komuniti.**

Program Perkhidmatan Kesihatan Mental dan Sokongan Psikososial atau *Mental Health Psychosocial Support (MHPSS)* bertujuan membantu memberi sokongan emosi kepada masyarakat umum. Pasukan MHPSS yang terdiri daripada pakar-pakar perubatan (kesihatan awam, psikiatri, perubatan keluarga), pegawai perubatan, pegawai psikologi kaunseling (kaunselor), pegawai psikologi klinikal, paramedik, memberikan perkhidmatan saringan, bantuan awal psikologi (*PFA* atau *Psychological First Aid*), psikopendidikan, tele-psikososial dan telekaunseling kepada orang awam dan petugas barisan hadapan yang memerlukan.

d) **Implementasi kempen *Let's TALK* Minda Sihat merentas agensi.**

Kempen ini merupakan kolaborasi pintar (*smart partnership*) bersama agensi-agensi kerajaan, bukan kerajaan dan NGO dalam usaha mempertingkatkan kesedaran kesihatan mental secara meluas bagi mengatasi stigma terhadap kesihatan mental dalam kalangan masyarakat.

- e) **Pemeriksaan komuniti setempat dalam usaha mengendalikan isu permasalahan kesihatan mental dan tingkah laku bunuh diri secara bersepadu.**

Bagi tujuan ini, ketua-ketua masyarakat setempat dan sukarelawan turut diberi latihan untuk mengenal pasti masalah kesihatan mental serta memberi bantuan sokongan kepada ahli masyarakat yang memerlukan bantuan.

- f) **Digitalisasi Kesihatan Mental**

KKM juga telah memulakan perkhidmatan saringan kesihatan mental melalui aplikasi MySejahtera bagi tujuan mengesan awal individu-individu yang mempunyai kesihatan mental dan memerlukan bantuan.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Tanggungjawab bagi menangani masalah kesihatan mental perlulah dipikul secara bersama oleh semua pihak yang terlibat. Ini kerana faktor yang mendorong kepada masalah kesihatan mental adalah melibatkan pelbagai faktor psikososial yang memerlukan tindakan daripada pemegang-pemegang taruh daripada agensi-agensi kerajaan yang berkenaan. KKM akan terus komited dalam meningkatkan mutu perkhidmatan kesihatan mental negara bagi memastikan kesejahteraan mental masyarakat dapat dicapai.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI
ABD. MUTTALIB [MARAN]**

TARIKH : 23 MAC 2023 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB [MARAN] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sehingga kini sejauh manakah tindakan Kementerian dalam usaha menyegerakan pelaksanaan pembinaan Hospital Maran yang telah diluluskan sejak RMK-11 lagi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Hospital Maran telah diluluskan di bawah *Rolling Plan* Keempat (RP4), Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) di bawah butiran Kerja Awalan Fasiliti Kesihatan. Kelulusan di bawah butiran Kerja Awalan ini adalah bagi membolehkan kajian kesesuaian tapak dilaksanakan seterusnya reka bentuk awal disediakan bagi menentukan anggaran kos projek.
2. Susulan daripada kerja-kerja awalan yang telah dilaksanakan oleh pihak Jabatan Kerja Raya, tapak cadangan sedia ada didapati tidak sesuai berdasarkan keadaan tanah yang berbukit, mempunyai kawasan takungan air semula jadi dan alur sungai di samping kos yang terlalu tinggi untuk pembinaan hospital berkapasiti 76 katil seterusnya tidak memenuhi nilai *value for money*.
3. Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan Malaysia bersama-sama Jabatan Kesihatan Negeri Pahang sedang mengenal pasti tapak cadangan yang baharu untuk meneruskan projek pembinaan Hospital Maran ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS, 2023**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN PRABAKARAN A/L PARAMESWARAN
[BATU]**

TARIKH : 23 MAC 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN PRABAKARAN A/L M PARAMESWARAN [BATU] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah kriteria yang telah diguna pakai oleh pihak Kementerian untuk meluluskan hampir 7,000 taraf kewarganegaraan pada awal Januari 2023 dan bagaimana pula proses dan penapisan untuk kira-kira 36,000 permohonan lain.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, statistik permohonan kewarganegaraan yang dikeluarkan melalui kenyataan media Kementerian Dalam Negeri (KDN) pada awal Januari 2023 adalah berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) iaitu sebanyak 54,369 permohonan kewarganegaraan yang telah diterima dari tahun 2017 hingga 31 Disember 2022. Dari jumlah berkenaan, sebanyak 6,966 permohonan yang telah diluluskan dan 35,750 permohonan yang masih dalam proses.

Penganugerahan kewarganegaraan Malaysia merupakan anugerah tertinggi dan hak eksklusif Kerajaan Persekutuan. Dalam mempertimbangkan permohonan kewarganegaraan Malaysia, beban untuk membuktikan kelayakan untuk dianugerahkan kewarganegaraan Malaysia ini pula adalah di bawah tanggungjawab setiap pemohon dan proses pertimbangan adalah tertakluk kepada syarat-syarat di bawah Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan, Kaedah-Kaedah Kewarganegaraan 1964 serta perundangan berkaitan yang berkuatkuasa dalam isu pendaftaran perkahwinan, pengangkatan, kesahtarafan anak, dan peraturan imigresen.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : KAPTEN DATO' DR. ZULKAFPERI BIN
HANAPI (BERSARA) [TANJONG KARANG]**

TARIKH : 23 MAC 2023 (KHAMIS)

SOALAN

KAPTEN DATO' DR. ZULKAFPERI BIN HANAPI (BERSARA) [TANJONG KARANG] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan bilakah benteng pemecah/penahan ombak kekal di pantai Sungai Kajang dapat dilaksanakan. Difahamkan bajet sebesar RM12 juta telah diperuntukkan sejak 2019. Keadaan sangat merbahaya kepada 233 orang keluarga di Kg. Baru Lembah Pantai yang diancam banjir akibat benteng yang pecah berulang-ulang.

JAWAPAN

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Tanjong Karang,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Mengatasi Masalah Fenomena Air Pasang Besar dan Hakisan Pantai Pelbagai Negeri (FAPB) telah diluluskan di bawah *Rolling Plan 3 (RP3)* Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) dengan kos berjumlah RM200 juta. Projek ini akan dilaksanakan di lapan (8) buah negeri di Pantai Barat Semenanjung Malaysia melibatkan 26 projek.
2. Projek Kawalan Hakisan dan Memperkukuhkan Benteng Pantai di Kawasan Kampung Lembah Pantai Sungai Kajang Tanjong Karang, Daerah Kuala Selangor, Selangor adalah salah satu projek FAPB dengan

SOALAN NO: 46

anggaran kos siling sebanyak RM5.3 juta. Projek ini melibatkan kerja-kerja pembinaan dan meninggikan ban pantai sepanjang 2 km bagi mengatasi masalah limpahan air laut.

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek ini dalam peringkat memuktamadkan rekabentuk yang dibuat secara dalaman (*in-house design*) dan dijangka dilaksanakan pada Julai 2023 dalam tempoh selama 18 bulan. Hasil keseluruhan projek ini adalah dapat menyediakan perlindungan kepada 55,000 penduduk di Pantai Barat Semenanjung Malaysia daripada risiko banjir pantai dan limpahan air masin.

4. JPS juga telah melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan di kawasan-kawasan yang kritikal iaitu:

- i. Kerja-Kerja Membaiki dan Mengukuhkan Struktur Benteng Laut di Kampung Lembah Pantai Sungai Kajang, Mukim Tanjong Karang, Daerah Kuala Selangor berjumlah RM 47 ribu telah siap dilaksanakan pada tahun 2020;
- ii. Kerja-Kerja Menambak dan Meninggikan Jalan Benteng di Pantai Sungai Kajang Mukim Tanjong Karang, Daerah Kuala Selangor berjumlah RM 36 ribu telah siap dilaksanakan pada tahun 2021; dan
- iii. Kerja-Kerja Pemuliharaan Benteng di Kampung Lembah Pantai, Mukim Tanjong Karang, Daerah Kuala Selangor berjumlah RM 209 ribu telah siap dilaksanakan pada tahun 2022

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS, TAHUN 2023**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN M. KULASEGARAN [IPOH BARAT]

TARIKH : 23 MAC 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN M. KULASEGARAN [IPOH BARAT] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-

- (a) bilangan pelajar yang belajar di Institut Latihan Perindustrian (ILP) dengan mengikut kaum dari tahun 2017 hingga tahun 2023 ; dan
- (b) nyatakan kapasiti maksimum pelajar yang boleh belajar di ILP dan jumlah pengambilan pelajar ILP untuk tahun ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

a) Dalam tempoh 6 tahun iaitu tahun 2017 hingga 2023, jumlah pelajar yang telah menjalani latihan di Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia ialah seramai 115,304 orang pelajar dan, pecahan pelajar mengikut kaum adalah seperti berikut:

- i) Pelajar kaum Melayu seramai 89,940 orang, iaitu 78.00 peratus;
- ii) Pelajar kaum Cina seramai 1,573 orang, iaitu 1.36 peratus;
- iii) Pelajar kaum India seramai 7,245 orang, iaitu 6.28 peratus; dan
- iv) Pelajar lain-lain kaum pula ialah seramai 16,546 orang, iaitu 14.35 peratus pelajar.

b) Sasaran kapasiti bagi tahun 2023 adalah seramai 19,000 orang pelajar manakala jumlah sebenar pengambilan pelajar adalah seramai 18,050 atau 95 peratus daripada kapasiti 2023.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 51**BILANGAN PELAJAR DI INSTITUT LATIHAN JABATAN TENAGA
MANUSIA TAHUN 2017 HINGGA 2023**

TAHUN	KAUM	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN	JUMLAH
2017		13,069	225	716	2,286	16,296
2018		12,738	219	824	2,129	15,910
2019		13,434	243	948	2,415	17,040
2020		14,594	275	1,199	2,641	18,709
2021		12,078	211	1,064	2,157	15,510
2022		12,434	209	1,284	2,467	16,394
2023 (*kemas kini sehingga mac 2023)		11,593	191	1,210	2,451	15,445
JUMLAH KESELURUHAN		89,940 (78.00%)	1,573 (1.36%)	7,245 (6.28%)	16,546 (14.35%)	115,304 (100.00%)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SUHAIMI BIN NASIR [LIBARAN]

TARIKH : 23 MAC 2023 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK SUHAIMI BIN NASIR [LIBARAN] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kementerian bagi menaik taraf jalan-jalan kampung, bekalan air dan bekalan elektrik di luar bandar Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, mekanisme perancangan pelaksanaan projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) di Negeri Sabah adalah bergantung kepada senarai keutamaan yang dipohon oleh pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Sabah.

Dari segi perancangan, Kementerian sentiasa melibatkan Agensi Kerajaan Negeri seperti UPEN, Kementerian Pembangunan Infrastruktur (KPI), Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) Sabah serta Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) dalam semua sesi perbincangan, penyelarasan dan semak silang sebelum pelaksanaan sesuatu projek dan permohonan peruntukan.

Kementerian juga telah mewujudkan Jawatankuasa Bersama di antara Kerajaan Negeri dan Kementerian ini bagi memastikan pelaksanaan projek BELB lebih efisien. Bagi perluasan pembekalan elektrik di negeri Sabah, Kementerian bukan sahaja melaksanakan projek penyambungan talian grid voltan sederhana dan rendah iaitu 33kV, 11kV dan 0.415kV serta pembekalan melalui kaedah alternatif seperti

Sistem Solar Hibrid, malah Kementerian juga turut melaksanakan projek-projek berskala besar iaitu talian penghantaran 132kV dan pembinaan Pencawang Masuk Utama (PMU) bagi memastikan bekalan elektrik dapat dicapai di semua kawasan di Sabah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kerajaan telah meluluskan sebanyak 64 buah projek sambungan dengan peruntukan sebanyak RM65.92 juta bagi tahun 2023 kepada Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah bagi membiayai projek-projek di bawah Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Negeri Sabah.

Manakala untuk cadangan pelaksanaan projek Jalan Luar Bandar (JALB), ia adalah berdasarkan kepada permohonan Senarai Keutamaan Kerajaan Negeri. Perancangan dan cadangan pelaksanaan diterima daripada Kerajaan Sabah dengan bantuan agensi teknikal negeri iaitu Jabatan Kerja Raya (JKR) Sabah bagi mendapatkan input dan cadangan projek-projek mendesak.

Cadangan-cadangan projek seterusnya dikemukakan kepada Kementerian Ekonomi bagi permohonan kelulusan pelaksanaan. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek-projek ini tertakluk kepada kelulusan dan kedudukan semasa kewangan Kerajaan.

Selain itu, KKDW di bawah Projek Jalan Perhubungan Desa menyediakan peluang kepada masyarakat di kampung untuk mengemukakan pelbagai keperluan pembangunan kemudahan asas termasuk jalan-jalan kampung. Untuk makluman, sebanyak RM600 Juta kos projek Jalan Perhubungan Desa (JPD) untuk Sabah telah diperuntukkan sepanjang RMKe-12. Sehubungan itu, pihak Yang Berhormat boleh mengemukakan permohonan untuk tujuan siasatan awal Kementerian terlebih dahulu.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. KELVIN YII LEE WUEN
[BANDAR KUCHING]**

TARIKH : 23 MAC 2023 (KHAMIS)

SOALAN

DR. KELVIN YII LEE WUEN [BANDAR KUCHING] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tentang pelan Kementerian untuk meningkatkan kapasiti pendigitalan di setiap premis kesihatan seluruh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Matlamat pendigitalan sistem kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) adalah berteraskan kepada Pelan Strategik Pendigitalan KKM 2021-2025 mengikut Teras Strategik I iaitu Pemerkasaan Perkhidmatan Kesihatan Digital Bersepadu dan Inklusif. Ini termasuk penggunaan aplikasi digital sebagai *Electronic Medical Record (EMR)* serta integrasi sistem-sistem dalam fasiliti kesihatan secara bersepadu melalui platform seperti Sistem Informasi Hospital (HIS@KKM), Sistem Informasi Klinik (TPC-OHCIS) untuk Klinik Kesihatan dan klinik pergigian serta platform Perkongsian Maklumat Kesihatan (*Health Information Exchange - HIE*) dan klinik maya (Virtual Clinic).
2. Projek rintis EMR Kebangsaan sedang dijalankan di Negeri Sembilan dengan menggabungkan empat komponen di atas dan sudah bermula secara berfasa. Secara keseluruhannya, 97 fasiliti kesihatan KKM di Negeri Sembilan terlibat di dalam projek rintis EMR ini. Perancangan peluasan EMR ke seluruh negara akan dilaksanakan secara berperingkat.
3. Bagi proses pendigitalan di hospital, *Hospital Information System (HIS)* adalah komponen utama bagi proses kerja pentadbiran dan klinikal di hospital. Pelaksanaan Sistem HIS@KKM di seluruh hospital KKM adalah secara berfasa mengikut projek yang diluluskan di bawah *Rolling Plan* Rancangan Malaysia (RP RMK) di mana bagi RP 4 RMK-11 sebanyak 7 buah hospital di Negeri Sembilan akan terlibat melalui projek EMR Kebangsaan, manakala bagi RP 2 RMK-12 sebanyak 7 buah hospital KKM seluruh negara akan terlibat dalam pelaksanaan Sistem HIS@KKM ini. Sementara Sistem HIS@KKM ini dilaksanakan sepenuhnya, Kementerian juga telah membuat penetapan agar Sistem *Crisis Preparedness and Response Centre (CPRC)* Hospital digunakan sebagai solusi interim untuk hospital KKM yang memerlukan terutamanya bagi fungsi pengurusan hospital.

4. Digitalisasi di peringkat Penjagaan Kesihatan Primer (Klinik Kesihatan) telah bermula sejak tahun 2005 dengan penggunaan Sistem *Teleprimary Care* (TPC) dan seterusnya Sistem TPC-OHCIS pada tahun 2017 di Klinik Kesihatan dan Klinik Pergigian secara bersepadu. Sistem ini adalah sistem operasi yang membolehkan semua proses perawatan pesakit dari pendaftaran sehingga pemberian ubat dilaksanakan secara digital dan rekod pesakit disimpan secara elektronik. Ini membolehkan rekod kesihatan pesakit di kongsi di mana-mana klinik kesihatan yang menggunakan Sistem TPC-OHCIS. Data dari sistem ini juga digunakan untuk pelaporan bagi tujuan perancangan program kesihatan serta membekalkan data kepada aplikasi mudah alih sebagai rekod kesihatan sepanjang hayat.

5. Sehingga kini, 103 Klinik Kesihatan telah dilengkapi dengan Sistem TPC-OHCIS dan 42 Klinik Kesihatan di Negeri Sembilan akan dilengkapi dengan sistem yang sama melalui Projek EMR Kebangsaan. Terdapat 1027 Klinik Kesihatan yang menggunakan Sistem Janji Temu Atas Talian melalui Sistem MySejahtera. Manakala 370 Klinik Kesihatan menawarkan perkhidmatan Klinik Maya kepada pelanggan mereka.

6. Perancangan seterusnya adalah untuk memperluas semua sistem berkaitan secara lebih menyeluruh bagi mencapai objektif sistem maklumat kesihatan bersepadu.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI
[GOMBAK]**

TARIKH : 23 MAC 2023 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI [GOMBAK] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan:

- a) peruntukan baharu projek mitigasi banjir khususnya di negeri Selangor; dan
- b) status permohonan Kerajaan bagi Dana Program Ketersediaan (Readiness Programme, Green Climate Fund) bagi tujuan mengadaptasi kepada cabaran perubahan iklim.

JAWAPAN

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Gombak,

- a) Untuk makluman YB, Kerajaan Persekutuan juga telah meluluskan Peruntukan Persekutuan RMKe-12 sebanyak RM65.9 juta kepada JPS untuk melaksanakan tujuh (7) projek di Negeri Selangor:
 - i. Kajian Pelan Induk Rancangan Tebatan Banjir Lembangan Sungai Klang berjumlah RM1.9 juta dan dijangka siap pada 30 Oktober 2023;

- ii. Projek Penstabilan Tebing Sungai Aur Daerah Klang berjumlah RM10.3 juta dan dijangka siap pada 9 Mac 2023;
- iii. Projek Penstabilan Dan Pengukuhan Tebing Sungai Penchala Di Petaling Jaya berjumlah RM3.6 juta dan dijangka siap pada 16 Ogos 2023;
- iv. Pemuliharaan Serta Pengindahan Kolam Takungan Banjir Sungai Damansara dijangka tender pada Februari 2023;
- v. Rancangan Tebatan Banjir Sungai Buloh, Selangor berjumlah RM50 juta dan dijangka siap pada 2 Mac 2024;
- vi. Rancangan Tebatan Banjir Sungai Langat Fasa 1, Selangor diperingkat penyediaan tender setelah selesai proses pengambilan tanah; dan
- vii. Rancangan Tebatan Banjir Lembangan Sungai Kuyoh, Selangor diperingkat penyediaan tender dan akan di tender pada November 2023.

Manakala, terdapat lima (5) projek dalam di peringkat dalam proses kelulusan peruntukan daripada agensi pusat yang dianggarkan berjumlah RM4.7 billion untuk dilaksanakan di Negeri Selangor:

- i. Rancangan Tebatan Banjir Sungai Klang di Seksyen 25 Shah Alam;
- ii. Rancangan Tebatan Banjir Sungai Kapar Kecil dan Sungai Kapar Besar;
- iii. Rancangan Tebatan Banjir Sungai Damansara; dan
- iv. Rancangan Tebatan Banjir Sungai Langat Fasa 2.

Kerajaan Negeri Selangor telah meluluskan memperuntukan sebanyak RM893.4 juta di bawah RMKe-12 bagi projek –projek seperti:

i. Peruntukan Pembangunan Negeri RMKe-12 sebanyak RM556 juta dengan peruntukan semasa tahun 2023 sebanyak RM68 juta kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk melaksanakan kerja-kerja melibatkan pembangunan:

- a) projek tebatan banjir berjumlah RM 16 juta;
- b) pembangunan sistem saliran berjumlah RM 8.5 juta;
- c) pembangunan lembangan sungai berjumlah RM16.3 juta;
- d) pembangunan sumber air dan hidrologi berjumlah RM 1 juta;
- e) pengurusan saliran mesra alam berjumlah RM 13.5 juta;
- f) pembangunan pantai berjumlah RM 3.6 juta;
- g) pembangunan infrastruktur mekanikal dan elektrik berjumlah RM 3.7 juta;
- h) pembangunan infrastruktur bangunan berjumlah RM 1.5 juta;
- i) pembangunan ICT Jabatan berjumlah RM 600 ribu; dan
- j) pelbagai di seluruh Negeri Selangor berjumlah RM 2.9 juta.

ii. Peruntukan Akaun Amanah Caruman Parit bagi RMKe-12 sebanyak RM 334.7 juta dengan peruntukan semasa tahun 2023 sebanyak RM37.468 juta.

b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, nota konsep bagi permohonan dana kepada pihak Green Climate Fund (GCF) untuk pembangunan Pelan Adaptasi Kebangsaan (Malaysia's National Adaptation Plan - MyNAP) telah siap dan akan dikemukakan kepada pihak GCF setelah dimuktamadkan dalam suku pertama 2023.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS, 2023

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN MOHAMAD SHAFIZAN
[BATANG LUPAR]

TARIKH : 23 MAC 2023 (KHAMIS)

SOALAN

Tuan Mohamad Shafizan Haji Kepli [Batang Lupar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah tangkapan dan langkah yang diambil oleh pihak Polis Diraja Malaysia dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia bagi membanteras kegiatan judi atas talian serta tindakan yang diambil ke atas iklan dan promosi judi atas talian di laman-laman sosial dan sistem pesanan ringkas (SMS).

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi tahun 2020, jumlah serbuan adalah sebanyak **6,289** melibatkan tangkapan seramai **9,431** orang. Bagi tahun 2021 pula, jumlah serbuan adalah sebanyak **7,649** melibatkan tangkapan seramai **10,181** orang, dan bagi tahun 2022, jumlah serbuan sebanyak **8,154** melibatkan tangkapan seramai **11,460**.

Di antara langkah-langkah yang telah diambil dan dirancang oleh pihak polis untuk membanteras judi dalam talian termasuklah:

1. Mengadakan operasi dan serbuan secara berterusan melalui 'Op Dadu' termasuklah operasi bersepadu dengan kerjasama agensi-agensi lain seperti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk melumpuhkan kegiatan ini. Bagi tempoh 1 Januari 2022 hingga 31 Ogos 2022 sebanyak 39 permohonan pembatalan lesen perniagaan telah dibuat dan daripada jumlah tersebut

SOALAN NO: 58

sebanyak 22 premis perniagaan telah dibatalkan lesen perniagaan;

2. Bekerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) bagi sekatan laman sesawang perjudian di bawah Seksyen 263 (2) Akta Komunikasi Multimedia. Sepanjang tempoh **1 Januari 2012** hingga **31 Januari 2023** sebanyak **(2,397)** permohonan sekatan laman sesawang berkaitan perjudian atas talian telah dihantar kepada pihak SKMM bagi tujuan sekatan sekaligus dapat menyekat iklan dan promosi judi atas talian;

3. Bekerjasama dengan syarikat-syarikat utiliti seperti Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan syarikat bekalan air untuk tindakan pemotongan bekalan elektrik dan air ke atas premis yang sering digunakan oleh sindiket perjudian.

4. Mengambil tindakan ke atas pihak-pihak yang terlibat dalam kegiatan ini termasuklah penjaga premis dan penganjur kegiatan perjudian haram di bawah peruntukan undang-undang berkaitan judi sedia ada seperti Akta Rumah Judi Terbuka 1957 dan Akta Pertaruhan 1953. Selain itu, tindakan yang lebih keras juga akan diambil di bawah peruntukan undang-undang lain yang berkaitan iaitu Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA) serta Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUAA) 2001;

5. Meneliti undang-undang berkaitan judi sedia ada bagi tujuan pindaan penambahbaikan bagi memastikan undang-undang ini relevan dengan perubahan modus operandi sindiket perjudian ini terutamanya perjudian atas talian (online). Dalam hal ini, Kementerian Dalam Negeri juga telah turut dilibatkan di dalam kajian undang-undang berkaitan perjudian yang sedang dijalankan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) untuk ditambah baik supaya sentiasa selaras dengan perkembangan semasa; dan

6. Meningkatkan pemeriksaan di premis-premis yang berpotensi menjalankan kegiatan perjudian tanpa lesen.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH**
[LEDANG]

TARIKH : **23 MAC 2023 (KHAMIS)**

SOALAN

TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH [LEDANG] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan punca dan masalah yang wujud bagi isu kerosakan prasarana pengangkutan awam.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Kementerian Pengangkutan amat prihatin terhadap ketersediaan kemudahan di stesen-stesen pengangkutan awam. Perhatian rapi diberikan terhadap perkara ini di mana fasiliti-fasiliti kritikal telah dikenalpasti dan dibaiki. Bagi fasiliti seperti lif dan eskalator, kebanyakan kerosakan berpunca daripada komponen-komponen yang telah mencapai jangka hayat. Kekangan yang dihadapi dalam menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan dan baik pulih adalah disebabkan penghantaran bekalan alat-alat ganti yang mengambil masa yang lama akibat daripada pandemik COVID-19. Sebagai contoh, alat ganti seperti pemegang susur tangan (*handrail*) perlu ditempah secara khusus mengikut spesifikasi unit yang rosak. Susur tangan tersebut dihasilkan dari kilang di negara China dan penghantaran alat ganti telah mengalami kelewatan disebabkan oleh penutupan kilang sewaktu ‘*Shanghai Lockdown*’ semasa pandemik COVID-19.

2. Selain itu, isu kerosakan fasiliti yang lain seperti tandas adalah berpunca daripada perbuatan khianat (*vandalism*) dan peralatan-peralatan yang telah mencapai jangka hayat. Syarikat Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana) sedang berusaha keras dalam memastikan kerja pembaikan dijalankan dalam jangka masa yang segera.

3. Untuk makluman juga, pihak Prasarana telah mengadakan Audit Tahap Kesediaan dan Siap Siaga Stesen Kereta Api (AKSES) bagi mengenal pasti kerosakan-kerosakan fasiliti di stesen kereta api di bawah kendalian pihak mereka dan melaksanakan langkah-langkah penambahbaikan, demi memastikan tahap keselesaan dan keselamatan penumpang. Audit AKSES ini akan sentiasa dilaksanakan dari masa ke semasa. Saya telah mengarahkan agar audit sama diperluaskan kepada semua operator rel bagi memastikan kualiti kemudahan di stesen di tahap terbaik demi keselesaan pengguna.

4. Selain itu, Kementerian Pengangkutan melalui Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) juga sentiasa melaksanakan pemeriksaan berkala di stesen-stesen kereta api bagi memastikan kemudahan dan fasiliti berada di tahap yang terbaik.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS, TAHUN 2023**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI UTAMA HASNI BIN MOHAMMAD
[SIMPANG RENGAM]**

TARIKH : 23 MAC (KHAMIS)

SOALAN

DATUK SERI UTAMA HASNI BIN MOHAMMAD [SIMPANG RENGAM] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah-langkah awalan Kerajaan untuk memastikan gaji permulaan para graduan institut pengajian tinggi dalam pelbagai bidang setimpal dengan kos sara hidup semasa.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Dasar gaji minimum kebangsaan digubal untuk menetapkan gaji lantai (*floor wages*) bagi pekerja kategori terendah dalam pasaran buruh. Intervensi terhadap pasaran buruh dengan pelaksanaan dasar gaji minimum adalah bertujuan untuk meningkatkan pendapatan dan kuasa beli rakyat supaya dapat memenuhi keperluan asas diri dan keluarga mereka.
2. Kos sara hidup merupakan antara indikator sosioekonomi yang diambil kira dalam penetapan kadar gaji minimum. Indikator lain yang turut diambil kira ialah pendapatan garis kemiskinan, penengah gaji (keupayaan majikan untuk membayar gaji), kadar pengangguran dan produktiviti buruh.

SOALAN NO : 60

3. Kementerian Sumber Manusia melalui Majlis Perundingan Gaji Negara komited melaksanakan kajian semula perintah gaji minimum secara konsisten iaitu sekurang-kurangnya sekali dalam tiap-tiap dua tahun selaras dengan peruntukan seksyen 25, Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (Akta 732).

4. Di samping itu, Kerajaan juga sedang meneliti cadangan daripada Bank Negara Malaysia berkaitan dengan izin, *living wage*. Berdasarkan laporan Bank Negara Malaysia pada tahun 2018, kadar *living wage* untuk seorang individu adalah berjumlah RM2,700, bagi pasangan tanpa anak pula kadarnya adalah sebanyak RM4,500 dan pasangan dengan 2 orang anak adalah RM6,500. Sehubungan itu, Kerajaan perlu mengkaji dan mengenal pasti model yang sesuai dan terbaik untuk negara ini.

5. Berkaitan dengan gaji permulaan para graduan pula, penetapan gaji bagi pekerjaan yang memerlukan kelayakan pendidikan tertiar tertakluk kepada kuasa penawaran dan permintaan dalam pasaran buruh. Kadar gaji yang setimpal dengan tahap pendidikan, kemahiran dan pengalaman boleh dirundingkan dengan pihak majikan melalui kontrak perkhidmatan atau perundingan Perjanjian Kolektif bagi pekerja yang mempunyai kesatuan sekerja. Kadar gaji perlulah selaras dengan jenis pekerjaan dan bukan semata-mata taraf kelayakan pekerja tersebut supaya kadar gaji setimpal dengan kemahiran dan produktiviti pekerja.

6. Dasar gaji minimum merupakan salah satu daripada instrumen yang membantu meningkatkan jaminan pendapatan pekerja bagi menangani kos sara hidup. Dasar ini perlu disokong oleh dasar-dasar lain merentasi sektor awam dan swasta agar strategi dan pelan tindakan Kerajaan berkaitan isu kos sara hidup dapat dilaksanakan secara holistik dan bersepadu.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS, TAHUN 2023**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN [KLANG]

TARIKH : 23 MAC 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN [KLANG] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah benar bahawa pengambilan pekerja warga asing bagi sektor-sektor yang dimonopoli oleh kaum India seperti bidang tukang gunting, tukang emas dan kedai tekstil India adalah tidak dibenarkan. Kalau benar mengapa ianya tidak dibenarkan. Mohon pencerahan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Perkhidmatan tukang gunting, perkhidmatan tekstil dan tukang emas merupakan subsektor perkhidmatan yang telah dibekukan pengambilan pekerja asing baharu sejak tahun 2009. Perkhidmatan gunting rambut dan tekstil dibekukan untuk memberi lebih peluang kepada pekerja tempatan untuk mengisi kekosongan jawatan tersebut. Bagi tukang emas pula, ia merupakan pekerjaan yang memerlukan kemahiran tinggi dan ini tidak selari dengan dasar penggajian pekerja asing yang hanya membenarkan penggajian pekerja asing bagi pekerjaan yang bersifat '*elementary*' sahaja.

2. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat desakan untuk membuka semula ketiga-tiga subsektor ini, ia perlu dibawa ke Kabinet untuk pertimbangan dan kelulusan melalui Agensi Kawal Selia (AKS) yang berkenaan dan di dalam kes ini, AKS yang bertanggungjawab ialah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW [BATU KAWAN]

TARIKH : 23 MAC 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN CHOW KON YEOW [BATU KAWAN] minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan pendekatan yang telah dilaksanakan serta dirancang Kerajaan dalam menjamin bekalan air di Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) sehingga tahun 2050. Apakah maklum balas penubuhan Lembaga Lembangan Ulu Muda (UMBA) menerusi surat saya bertarikh 30 Mac 2021 kepada YAB Perdana Menteri ketika itu dan 24 Ogos 2022 kepada Ketua Setiausaha Negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan penubuhan Lembaga Lembangan Ulu Muda (*Ulu Muda Basin Authority – UMBA*) sebagai sebuah badan berkanun bebas di bawah Kementerian ini yang bertanggungjawab ke atas sumber air bagi tiga Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) iaitu Perlis, Kedah dan Pulau Pinang adalah bertentangan dengan peruntukan di dalam Perlembagaan Persekutuan.
2. Lembangan Sungai Muda berada dalam Negeri Kedah dan dikongsi bersama Pulau Pinang di bahagian hilir sungai hingga ke laut. Lembangan Sungai Muda ini mempunyai luas keseluruhan berjumlah

4,151 km persegi. Walau bagaimanapun, sebahagian besar Lembangan Sungai Muda adalah terletak di Kedah dengan jumlah keluasan 4,096 km persegi iaitu 98.68%. Selebihnya Lembangan Sungai Muda terletak di Pulau Pinang dengan keluasan 55 km persegi iaitu 1.32%.

3. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, perkara berkaitan dengan sumber air dan tanah adalah terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri, selaras dengan Perlembagaan Persekutuan, Jadual Kesembilan, Senarai II – Senarai Negeri. Justeru, melalui cadangan ini Kerajaan Persekutuan dilihat akan melangkaui (*encroaches*) kuasa perundangan kerajaan negeri.

4. Kementerian ini maklum bahawa, berdasarkan Perkara 11 (b), Senarai 1, Perlembagaan Persekutuan, Kerajaan Persekutuan mempunyai kuasa perundangan terhadap *interstate river*. Walau bagaimanapun, melalui peruntukan ini, Kerajaan Persekutuan hanya mempunyai kuasa ke atas sungai yang merentasi sempadan negeri itu sahaja.

5. Cadangan penubuhan UMBA yang dikemukakan oleh Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) turut mencadangkan pematuhan “Rancangan Lembangan Ulu Muda” yang melibatkan tanah, sumber air dan hutan yang merupakan bidang kuasa perundangan dan eksekutif kerajaan negeri. Dalam hal ini, Kementerian telah membuat semakan terhadap Enakmen Sumber Air Kedah, 2008 dan ia jelas menyatakan bahawa kawasan lembangan sungai adalah termasuk tanah yang berada di sekitar sungai. Enakmen Sumber Air Kedah 2008 juga telah memperuntukkan perkara berkaitan penyediaan rancangan lembangan sungai di negeri itu.

6. Walau bagaimanapun, bagi memelihara kawasan tadahan air Ulu Muda, Kementerian telah melaksanakan pendekatan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (*Integrated River Basin Management-IRBM*) di Lembangan Sungai Muda pada tahun 2018. Pelan IRBM ini perlu dijadikan asas oleh Kerajaan Negeri bagi pembangunan guna tanah di Lembangan Sungai Muda bagi mengelakkan berlakunya insiden pencemaran dan memastikan sumber air yang bersih dan mencukupi.

7. Sehubungan dengan itu, adalah wajar kedua-dua negeri iaitu Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Kerajaan Negeri Kedah mengadakan perbincangan bagi mengenal pasti kaedah yang terbaik serta tindakan bersepadu dalam menyelesaikan isu yang telah lama berlanjutan ini. Kementerian ini bersedia untuk menjadi pemudahcara (*moderator*) bagi rundingan di antara kedua-dua Kerajaan Negeri agar kelestarian sumber air dan alam sekitar di Lembangan Sungai Muda terpelihara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS, TAHUN 2023**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN HASSAN BIN SAAD [BALING]

TARIKH : 23 MAC 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN HASSAN BIN SAAD [BALING] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan pelan tindakan dalam meningkatkan kebolehpasaran pelajar tahfiz melalui Program TVET Tahfiz.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. KSM melalui Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan telah menubuhkan Jawatankuasa Kerja Pembangunan Tahfiz-TVET. Jawatankuasa ini berperanan mengenal pasti keperluan semasa program TVET di institusi tahfiz, melihat keperluan pembangunan program baru yang bersesuaian, serta mengenal pasti inisiatif yang dapat memperluaskan akses pelajar tahfiz bagi mengikuti program TVET.
2. Penerapan modul berkaitan TVET di sekolah-sekolah agama dilihat sebagai satu tambah nilai yang amat signifikan dalam membantu lepasan sekolah agama untuk merencana dan meluaskan skop kerjaya mereka. **KSM sentiasa terbuka dan bersedia untuk memperkenalkan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia di sekolah-sekolah agama** sekiranya ia menjadi satu dasar yang diluluskan oleh Kerajaan.
3. KSM melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran turut menjalin hubungan dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia ke arah memartabat dan melahirkan golongan Huffaz yang berkualiti dan berkemahiran tinggi. Jalinan kerjasama ini selaras dengan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara iaitu membuka peluang yang luas kepada lepasan bidang tahfiz, penawaran kursus-kursus kemahiran kepada murid tahfiz dan meningkatkan kemahiran serta kebolehpasaran lepasan tahfiz.
4. Selain itu, terdapat juga kerjasama antara penyedia-penyedia TVET di bawah Kementerian lain bersama pusat-pusat tahfiz dalam melatih dan melengkapkan para pelajar tahfiz dengan kemahiran-kemahiran yang bersesuaian. Kursus-kursus berbentuk jangka pendek banyak ditawarkan kepada pelajar-pelajar tahfiz ini sebagai pendedahan dan seterusnya membuka laluan kepada mereka untuk mendalami kemahiran yang diminati secara lebih berstruktur.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI AMINUDDIN BIN HARUN
[PORT DICKSON]**

TARIKH : 23 MAC 2023 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SERI HAJI AMINUDDIN BIN HARUN [PORT DICKSON] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan adakah terdapat peruntukan penyelenggaraan sampah di kawasan luar bandar (kampung tradisi) kerana pembuangan sampah yang tidak terurus menyebabkan pencemaran yang serius.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah sedang melaksanakan projek rintis Pengurusan Sisa Pepejal di Kawasan Luar Bandar dengan menyediakan mesin teknologi pelupusan sisa pepejal yang dikenali sebagai *Asher* di empat lokasi Lembaga Kemajuan Wilayah (LKW) iaitu KESEDAR, KEJORA, KETENGAH dan KEDA manakala satu di Lembaga Kemajuan Tanah (LKT) iaitu di Skim Rancangan Sungai Manila, Sandakan yang diselia oleh Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah (SLDB).

Selain itu, KKDW juga akan menyediakan kemudahan rumah sampah dan *Roll-On Roll-Off (RORO Bin)* mulai tahun 2023 di semua LKW. KKDW akan memperluas pelaksanaan projek tersebut sekiranya projek rintis memberi impak yang positif.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **TUAN LEE CHUAN HOW**
[IPOH TIMUR]

TARIKH : **23 MAC 2023 (KHAMIS)**

SOALAN

TUAN LEE CHUAN HOW [IPOH TIMUR] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan peratusan bulanan kes serangan jantung yang di luar hospital, yang diperhatikan oleh perkhidmatan ambulans Kementerian Kesihatan Malaysia, di mana Resusitasi Kardiopulmonari (CPR) tidak diberikan, daripada Januari 2013 sehingga Disember 2022.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tidak mempunyai bilangan peratusan bulanan kes serangan jantung di luar hospital memandangkan pangkalan data bagi memantau *prevalence* dan kelangsungan hidup kes-kes *Out-of-Hospital Cardiac Arrest* (OHCA) di negara ini masih belum dibangunkan. Namun begitu, terdapat beberapa inisiatif yang telah dan sedang dilaksanakan bagi membolehkan KKM bertindak dengan lebih efisien dan objektif dalam menangani kes-kes sebegini di masa akan datang.

2. Inisiatif pertama adalah penglibatan KKM di dalam *Pan Asian Resuscitation Outcomes Study* (PAROS) *Clinical Research Network*. Kolaborasi ini bertujuan mempertingkatkan sistem perkhidmatan Perubatan Kecemasan dan kelangsungan hidup kes-kes OHCA

di rantau Asia Pasifik. Ia dilaksanakan dengan mengumpul maklumat *baseline* berkenaan *prevalence*, perawatan dan *outcome* kes-kes OHCA, menerangkan variasi yang terdapat di dalam kesemua sistem perkhidmatan Perubatan Kecemasan yang terbabit dan seterusnya mencadangkan beberapa intervensi yang boleh dilaksanakan bagi menangani kes-kes OHCA di rantau ini.

3. Hasil dapatan kajian tersebut telah diterbitkan di dalam jurnal perubatan *Resuscitation* pada tahun 2015 dan antara dapatan khusus yang diperolehi untuk Malaysia adalah seperti berikut:

- i. Sebanyak 389 kes OHCA telah dicatatkan di tiga (3) pusat pengumpulan data di Malaysia iaitu Lembah Klang, Kota Bharu dan Pulau Pinang dari Januari 2009 hingga Disember 2012 dengan 84.1% dianggap berpunca dari jantung;
- ii. Sebanyak 47% dari jumlah kes yang dicatatkan dengan kejadian disaksikan oleh seseorang;
- iii. Sebanyak 37.1% kes mempunyai *unknown unshockable rhythm* yang dicatatkan sebagai *first arrest rhythm*;
- iv. Sebanyak 22.6% kes menerima bantuan CPR oleh pemerhati (*bystander*) dengan 2.6% menerima bantuan defibrilasi dan 12.7% menerima suntikan adrenalin oleh pasukan respons pra-hospital; dan
- v. Sebanyak 8% kes mendapat rawatan lanjut di hospital.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS, 2023**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DATUK WEE JECK SENG [TANJONG PIAI]

TARIKH : 23 MAC 2023 (KHAMIS)

SOALAN

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjung Piai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah yang diambil untuk mengatasi kesesakan urusan di pintu masuk kastam Malaysia – Singapura yang selalu menjadi rungutan pihak yang terlibat berurusan di sana agar masalah tersebut dapat di atasi.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan komited untuk menangani masalah kesesakan di Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) Bangunan Sultan Iskandar (BSI) dan Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB), Johor. Sehubungan itu, Mesyuarat Jawatankuasa Khas Menangani Kesesakan Di Tambak Johor yang dipengerusikan YAB Perdana Menteri pada 21 Ogos 2019 telah meluluskan sebanyak RM92.6 juta merangkumi 23 inisiatif yang melibatkan 37 projek fizikal untuk kedua-dua CIQ.

Daripada 23 inisiatif tersebut, terdapat dua (2) inisiatif ditangguhkan bagi menyelesaikan urusan permohonan peruntukan baharu di bawah *Rolling Plan 4* dan tiada keperluan mendesak untuk dilaksanakan pada masa ini. Dua (2) inisiatif tersebut ialah:

- (i) mewujudkan fasiliti kesihatan di BSI dan KSAB (digantikan dengan klinik kesihatan swasta); dan
- (ii) naik taraf sistem pengurusan sempadan dan pintu masuk (pembangunan National Integrated Immigration System [NIIS] yang bakal menggantikan sistem MyIMMs yang dijangka siap pada tahun 2025).

Seperti mana yang dilaporkan sewaktu Mesyuarat Jawatankuasa Khas bagi Menangani Kesesakan di Tambak Johor Bilangan 1 Tahun 2023 yang dipengerusikan oleh YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perladangan dan Komoditi pada 6 Mac 2023, secara keseluruhannya, sehingga 28 Februari 2023, status pelaksanaan 21 inisiatif adalah seperti berikut:

- (i) 62% atau 13 inisiatif telah siap sepenuhnya;
- (ii) 24% atau 5 inisiatif sedang dalam pelaksanaan; dan
- (iii) 14% atau 3 inisiatif belum dilaksanakan.

SOALAN NO: 66

Di bawah inisiatif 15, terdapat 37 projek telah dikenalpasti. Tiga (3) projek telah ditangguhkan berikutan peningkatan anggaran kos awalan dan proses untuk mendapatkan kelulusan *Notice of Change* (NOC) oleh Kementerian Kewangan. Justeru, status pelaksanaan bagi 34 projek (Lampiran 1) sehingga 28 Februari 2023 adalah seperti berikut:

- (i) 91.2% atau 31 projek telah siap sepenuhnya;
- (ii) 2.9% atau 1 projek sedang dalam pelaksanaan; dan
- (iii) 5.9% atau 2 projek belum dilaksanakan.

Beberapa mekanisme penambahbaikan *quick win* turut dilaksanakan bagi mengurangkan isu kesesakan di BSI dan KSAB antaranya:

- (i) penggunaan *autogate* kepada pengguna pas lawatan sosial jangka panjang;
- (ii) pewujudan *Quick Response Team* (QRT) bagi memastikan kesemua kaunter pemeriksaan di pintu-pintu masuk dapat beroperasi sepenuhnya khususnya pada waktu puncak;
- (iii) perluasan penggunaan *autogate* kepada 10 negara merangkumi warganegara Singapura, United Kingdom, Australia, New Zealand, Brunei, Jepun, Korea, Jerman, Arab Saudi dan Amerika Syarikat;
- (iv) permohonan peruntukan baharu di bawah *Rolling Plan* bagi melaksanakan inisiatif dan projek yang ditangguhkan; dan
- (v) Kajian Perancangan Masa Hadapan dengan melihat kepada keperluan untuk jangka masa panjang.

**STATUS PELAKSANAAN 23 INISIATIF MENGURANGKAN
KESESAKAN DI KOMPLEKS KASTAM, IMIGRESEN DAN KUARANTIN
BANGUNAN SULTAN ISKANDAR (BSI) DAN KOMPLEKS SULTAN
ABU BAKAR (KSAB)**

SL = Sedang Laksana, BL=Belum Laksana, T=Tanggung

No.	Inisiatif	Status				Pemilik
		Siap	SL	BL	T	
1	Pelantikan Ketua Penyelaras (INDUK)	1 Ogos 2019				KDN, JIM
2	Waktu bekerja lebih masa (TWG2)	18 Julai 2019 (BSI) 16 Jun 2019 (KSAB)				JIM
3	Hebahan Situasi Trafik (TWG5)	mulai Ogos 2019				KDN
4	Polis Bantuan (TWG2)	1 April 2019 (BSI) 4 Oktober 2019 (KSAB)				KDN, PDRM
5	Pembaikan <i>autogate</i> MACS di KSAB (INDUK)	19 Jun 2019				KDN, JIM
6	Laluan kontra di laluan masuk (waktu paling puncak) di KSAB (INDUK)	Januari 2019				KDN
7	Penggantian <i>work station</i> kaunter di KSAB (INDUK)	15 November 2019				KDN
8	Penyuraian kenderaan berat ke <i>holding bay</i> (laluan masuk lori) di KSAB (INDUK)	15 Julai 2019				KDN

SOALAN NO: 66

No.	Inisiatif	Status				Pemilik
		Siap	SL	BL	T	
9	Tambahan laluan khas lori tanpa muatan di BSI (INDUK)	15 Julai 2019				KDN
10	Pengambilalihan BSI & KSAB oleh KDN (INDUK)	1 Januari 2020				KDN
11	Pengecualian Dasar Kawalan Pengisian Perjawatan JIM di pintu masuk (TWG2)	27 November 2019				KDN JPA
12	Sistem Kerja Syif Fleksibel (JIM di pintu masuk) (TWG2)	1 Februari 2020				KDN, JIM
13	Penutupan Kaunter Tambah Nilai Touch n' Go (INDUK)	mulai Ogos 2019				KDN
14	Penggantian Mesin Pengimbas oleh JKDM (TWG3)		/			KDN JKDM
15	Naik taraf infrastruktur & fasiliti BSI & KSAB (TWG1)		/			KDN JKR KKR
16	Gabung kaunter JIM & PLUS- lorong kenderaan di BSI (TWG1)		/			KDN JIM PLUS
17	Tambahan 20 <i>autogate</i> satu hala di BSI (TWG3) (i) Ubah Suai Dewan di BSI (TWG1) (ii) 6 unit e-gate MACS di BSI (TWG3)		/			KDN
18	Penubuhan Badan Tunggal Menjaga Sempadan, Pintu Masuk & Pelabuhan (<i>Single Border Agency – SBA</i>) (TWG4) (i) Fasa Pembangunan 1 (ii) Fasa Pembangunan 2 (iii) Fasa Pembangunan 3 (iv) Fasa Pembangunan 4		/			KDN
19	Tambahan 33 MBike di KSAB (TWG3)			/		KDN

SOALAN NO: 66

No.	Inisiatif	Status				Pemilik
		Siap	SL	BL	T	
20	Naik Taraf Pondok Polis Kepada Balai Polis di KSAB (TWG2)			/		KDN KKR JKR
21	Kajian Perancangan Masa Hadapan bagi Mengurangkan Kesusakan dan Meningkatkan Keselamatan di Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin BSI dan KSAB (TWG 4)			/		KDN
22	Naik Taraf Sistem Pengurusan Sempadan & Pintu Masuk (TWG3)				/	KDN
23	Kajian Keperluan Fasiliti Kesihatan di BSI & KSAB (TWG4)				/	KDN